

[TELAH DISEMAK]

Jilid I
Bil. 1

Selasa
13 Jun 1995



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

— Y.B. Dato' Adam bin Kadir

[Ruangan 1]

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN TUAN YANG DI-PERTUA

[Ruangan 1]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengangkat Sumpah di Luar Dewan

[Ruangan 1]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen

[Ruangan 2]

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah
Pencegahan Khas) 1985 — Melanjutkan Tempoh Kuat Kuasa

[Ruangan 2]

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P. (Dilantik).

- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK CHONG KAH KIAT, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN CHONG CHI SIONG @ CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN DING SELING (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN, P.P.T., P.J.K. (Dilantik — Wilayah Persekutuan).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- „ TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik — Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).
- „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPHER K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ TUAN KAN KOK KWAN (Dilantik).
- „ PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).
- „ PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOW KAI MENG, P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN N. MARIMUTHU A/L NADESAN, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTI HUSIN (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).

Yang Berhormat TUAN NG SEE TIONG, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor).

- „ DATO' (IR) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ DR NG YEN YEN, P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- „ PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SELEMAH BINTI HASHIM (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN TAN SON LEE (Kedah).
- „ DATO' V.K.K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATO' TING CHECK SII (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).
- „ TUAN M. ZEEVILL @ SHANMUGAM A/L R.M.S. MUTAYA (Selangor).

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara : Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa 13hb Jun 1995

*Mesyuarat dimulakan pada
pukul 2.30 petang*

DOA

MEMILIH
TUAN YANG DI-PERTUA

Setiausaha: Pemilihan Tuan Yang di-Pertua. Dengan hormatnya dijemput Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mencadangkan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Setiausaha dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Adam bin Kadir dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara.

Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Setiausaha, saya mohon menyokong.

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang ahli sahaja yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan disokong oleh Menteri Kerja Raya maka menurut Peraturan Mesyuarat 2 (iii), saya memasyhurkan dengan rasminya bahawa Yang Berhormat Dato' Adam bin Kadir dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. *(Tepuk)*

UCAPAN TERIMA KASIH
DAN PENGHARGAAN TUAN
YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara yang kesebelas. Dengan ini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pucuk pimpinan negara Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang memberikan kepercayaan kepada saya untuk menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. Moga-moga dengan kerjasama Ahli-ahli Dewan Negara saya akan dapat menunaikan tanggungjawab ini dengan adil dan saksama.

PENGUMUMAN
TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH
DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin memaklum bahawa dua Ahli Yang Berhormat yang baru iaitu Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man dan Yang Berhormat Tuan Kan Kok Kwan telah mengangkat sumpah di Kamar Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara pada 6hb Jun, 1995. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik ini akan dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan semoga dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan Dewan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Chong Kah Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga

supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan Dewan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985 — MELANJUTKAN TEMPOH KUAT KUASA

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 supaya akta itu hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai dari 15hb Jun, 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, di satu persidangan Dewan dalam bulan April 1985 Dewan yang mulia ini

telah pernah membahaskan satu Rang Undang-undang iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) yang merupakan satu akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan terhadap orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan pengedaran dadah atau yang terlibat dengan pengedaran najis dadah. Usul itu telah menarik perhatian ramai Ahli-ahli yang Berhormat pada masa itu dan setelah dibahaskan dengan panjang lebar ianya telah diluluskan.

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 atau ringkasnya ADB (LLPK) 1985 telah berkuat kuasa mulai 15hb Jun 1985 bagi tempoh 5 tahun. Akta ini pernah dilanjutkan oleh Parlimen ini selama 5 tahun yang bermula dari 15hb Jun 1990 dan cadangan perlanjutan kali ini adalah lanjutan yang kedua.

Akta ini telah memperuntukkan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan perintah menahan mana-mana orang yang didapati terlibat dalam menjalankan aktiviti pengedaran dadah bagi satu tempoh yang tidak melebihi 2 tahun. Perintah ini boleh diperbaharui bagi tempoh tidak melebihi 2 tahun pada tiap-tiap kali pembaharuan. Semenjak akta ini dikuatkuasakan mulai bulan Jun, 1985 sehingga Mei, 1995 Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan sejumlah 4,083 Perintah-perintah Tahanan di bawah Seksyen 6(i) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan 700 orang yang dikenakan perintah sekatan. Di bawah Seksyen 6(iii), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1985 pemilihan tempat tahanan seseorang itu ditentukan berdasarkan kepada berapa berat dan seriusnya kegiatan-kegiatan yang telah mereka lakukan.

Bagi mereka yang telah melakukan kegiatan mengedar dadah secara besar-besaran yang serius, mereka ditahan di Pusat Tahanan Muar, Johor. Kegiatan yang dilibatnya sederhana, ditahan di Pusat Tahanan Simpang Renggam, Johor dan yang paling kurang ataupun kegiatannya tidak serius sangat, akan ditahan di Pusat Tahanan Batu Gajah, Perak. Sehingga bulan Mei, 1995 masih terdapat seramai 1,767 orang tahanan ditempatkan di pusat-pusat yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semasa di dalam tahanan, orang-orang tahanan itu dikehendaki menjalani program-program pemulihan yang sesuai dengan matlamat Kerajaan untuk memulihkan mereka. Program ini mengandungi aktiviti-aktiviti latihan jasmani dan rohani untuk membimbing mereka supaya dapat mempelajari sesuatu kemahiran sepanjang tempoh mereka berada dalam tahanan. Kemajuan dan keberkesanan aktiviti-aktiviti pemulihan terhadap orang-orang tahanan ini diikuti dari semasa ke semasa bagi menilai sejauh mana mereka itu telah dipulihkan bagi tujuan pembebasan mereka.

Jika seseorang tahanan didapati masih belum pulih selepas mengikuti program-program pemulihan dalam masa perintah tahanan selama dua tahun, Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa di bawah Seksyen 11(a) Akta ini untuk melanjutkan perintah itu. Orang-orang tahanan yang telah dipulihkan sepenuhnya adalah dibebaskan sama ada tanpa syarat atau diberi pengawasan dengan mengenakan penggantungan perintah tahanan di bawah Seksyen 7, yang mana syarat-syarat adalah sama seperti perintah sekatan di bawah Seksyen 6(iii), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Selain daripada perintah tahanan, sebahagian orang yang terlibat dengan aktiviti pengedaran najis dadah adalah juga dikenakan perintah sekatan di bawah Seksyen 6(iii), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, tertakluk kepada serius atau tidaknya kesalahan mereka. Sepanjang tempoh sekatan ini, subjek diperintah tinggal di suatu kawasan yang berada dalam pengawasan Polis. Mereka dibenarkan, seperti biasa, bekerja dalam tempoh pengawasan ini, tetapi mereka dikenakan beberapa syarat untuk menghadkan pergerakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta ini telah berkuat kuasa sejak bulan Jun, 1985 iaitu 10 tahun yang lalu dan tindakan-tindakan telah diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya, namun bilangan kes yang diterima sekarang tidak berkurangan dan masih berterusan. Kegiatan-kegiatan pengedaran dadah berbahaya masih wujud dan dipercayai akan berterusan selagi terdapatnya bekalan dari negara pembekal dan selagi terdapat permintaan daripada penagih-penagih tempatan.

Gejala penyalahgunaan najis dadah sudah banyak sangat diperkatakan dan masih menjadi satu masalah yang serius di negara kita. Bukan sahaja di negara kita tetapi juga di seluruh dunia. Tidak ada sesiapa yang dapat menafikan bahawa kesan buruk yang akan menimpa akibat penyalahgunaan ini bukan sahaja kepada seseorang penagih itu, bahkan juga kepada keluarganya, masyarakat dan negara. Malahan, jika tidak dikawal, sindiket-sindiket yang mengedar dadah boleh bermaharajalela dan mengancam negara kita.

Negara kita berhampiran dengan pusat-pusat pengedaran dadah iaitu kawasan Tiga Segi Emas yang masih setiap tahun menghasilkan 250 metrik

tan dadah heroin yang merupakan 60% daripada pengeluaran dunia. Kemaraan pengeluaran dan pengedaran dadah sebanyak itu bukanlah satu perkara yang senang untuk ditangani. Kini terdapat hampir 100,891 anak-anak muda di negara kita telah pun didaftar oleh Kerajaan secara rasmi sebagai penagih sejak tahun 1988 hingga 31hb Disember, 1994. Bilangan yang tidak didaftar dengan rasminya masih tidak diketahui dan susah untuk dianggarkan.

Daripada penagih-penagih yang diketahui dan tidak diketahui ini terdapat sebilangan besar merupakan penagih tegar (hard core addict) yang memerlukan sekurang-kurang RM30.00 sehari untuk menampung keperluan mereka. Kalau kita kira dengan secara puratanya, kalau sekiranya ada 100,000 penagih yang memerlukan RM30.00 satu hari, maka anggaran dalam satu tahun adalah lebih daripada RM1 bilion dan itulah sebenarnya yang sedang berlaku di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selagi kegiatan pengedaran dadah ini tidak dikawal dengan ketat dan berkesan, bilangan penagih dadah ini akan terus meningkat di negara kita. Kini terdapat penagih-penagih tegar berkeliaran di ibu kota besar dan menjadi sampah masyarakat. Sesetengah mereka dianggap seperti bangkai bernyawa kerana keadaan kesihatan mereka begitu tenat. Selain dari kurus kering kerana menagih, mereka juga menghadapi berbagai-bagai penyakit seperti tokak, luka, kudis dan berbagai-bagai penyakit yang lain. Penyakit yang paling berbahaya wujud di kalangan mereka ialah mereka juga di dapati membawa kuman HIV Positif.

Keadaan ini telah menjadikan ancaman kepada ketenteraman dan keselamatan masyarakat, selain daripada penagih-penagih sendiri yang menjadi

mangsa, ahli-ahli keluarga mereka juga terus menjadi mangsa. Ahli-ahli keluarga mereka ini adalah, dengan izin, the silence sufferer. Anak-anak mereka yang kesempitan hidup, malu untuk ke sekolah atau bercampur gaul dengan masyarakat mereka, isteri yang merana, meninggalkan keluarga dan ibu bapa yang malu, terus hidup dalam keadaan kecewa dan hilang semangat perjuangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat semua tahu dan sedar tentang ancaman najis dadah ini dan saya tidak perlu bercakap panjang lebar mengenai ancaman itu lagi. Sindiket-sindiket yang mengedar, orang perseorangan yang terlibat dalam pengedaran dadah adalah merupakan 'culprit' besar. Mereka ini tidak boleh dibiarkan bermaharajalela. Mereka membawa kesan yang buruk kepada kita semua tanpa mengira agama, keturunan, warna kulit dan fahaman politik. Dadah tidak mengenal batasan dan sempadan. Dadah akan melanda orang Melayu, orang Cina orang India, orang Kadazan, orang Iban — tidak kira beragama Islam, Buddha, Kristian dan Hindu dan ia juga tidak mengira sama ada Tan Sri, anak Dato', anak Raja, anak Yang Berhormat atau anak petani. Dadah tidak mengira warna kulit, sama ada hitam, kuning dan tidak mengira sama ada parti MCA, UMNO, PAS, S. 46, DAP atau apa-apa. Jika pengedaran dadah tidak dibendung dan dibanteras, maka kita semua akan menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis dalam masa-masa yang lalu telah berjaya menumpaskan beberapa sindiket pengedaran dadah. Namun demikian, kedudukan negara ini yang berhampiran dengan kawasan pengedaran dadah dan keadaan sempadan darat dan laut negara ini yang panjang dan luas telah memberikan kesempatan kepada sindiket-sindiket untuk menjalankan kegiatan penyeludu-

pan dan pengedaran dadah di negara ini. Adalah sukar bagi pihak penguat kuasa untuk menangkap ketua-ketua sindiket dan pengedar-pengedar dengan bukti-bukti pemilikan dadah secara fizikal dan dengan disokong oleh saksi-saksi yang berani mendedahkan diri di mahkamah semasa perbicaraan.

Oleh sebab itu, tindakan menahan dan menyekat mereka terpaksa diambil di bawah akta ini dengan tujuan kita dapat menangkap pengedar-pengedar dengan berkesan dan cepat agar mengurangkan kegiatan sindiket dadah dan memutuskan bekalan dadah dari pengedar-pengedar kepada penagih. Usaha-usaha pencegahan oleh Kerajaan ini perlu diteruskan lagi. Oleh itu, tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang akan tamat pada 15 Jun 1995 ini perlu diperpanjang selama 5 tahun lagi mulai 15 Jun 1995. Jika tidak diluluskan pada hari ini juga, bermakna lagi dua hari, Kerajaan terpaksa lepaskan semua pengedar dadah yang masih berada di dalam tahanan dan mereka akan pergi ke seluruh negara dan akan meneruskan ancaman mereka.

Dengan ulasan-ulasan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Chong Kah Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahaskan. Sila. Ya, Tuan Rahim Baba, sila.

2.52 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mulakan perbahasan mengenai

lanjutan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini, bagi pihak keseluruhan Ahli-ahli Dewan Negara, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Dato' yang telah pun diberikan kepercayaan untuk menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. Pada masa yang sama juga, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Vadiveloo yang telah pun memimpin kita selama 4½ tahun di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: 3½ tahun.

Tuan Rahim bin Baba: 3½ tahun. Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah pun mendengar perbahasan ataupun hujah-hujah yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Takut ingatkan dia masih lagi Setiausaha Parlimen. Sudah promoted.

Tuan Yang di-Pertua: Takut salah panggil Menteri.

Tuan Rahim bin Baba: Kemungkinannya sekali lagi Mesyuarat, kita panggil Menteri pula agaknya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun diperhujahkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Kerajaan terpaksa berbelanja RM30 sehari dan adalah dianggarkan Kerajaan berbelanja RM1 bilion setahun untuk menampung penagih-penagih dadah yang terdapat lebih kurang 100,000 lebih di seluruh negara sekarang. Saya percaya angka ini mungkin lebih daripada RM1 bilion kerana perangkaan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hanya meliputi penagih-penagih dadah yang dapat dikesan sejak dari tahun 1988 hingga tahun 1994. Jadi, kita menyokong perlanjutan akta ini untuk 5 tahun yang akan datang.

Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya telah pun membaca Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 di mana ianya diberi nama Akta 316 yang telah pun dikuatkuasakan pada 15 Jun 1985 di bawah subseksyen (3) yang mengatakan bahawa Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa selama tempoh 5 tahun dari tarikh yang ditetapkan oleh Menteri dan di bawah subseksyen (4) pula telah pun dinyatakan, "walau apa pun peruntukan subseksyen (3), akta ini boleh melalui satu resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua majlis Parlimen dilanjutkan bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang dinyatakan di dalam resolusi itu".

Saya percaya semasa pertama kali akta ini diluluskan pada tahun 1985, pada masa itu kemungkinannya kita menjangka kita boleh menyelesaikan masalah dadah ini, masalah pencegahan kepada mereka yang mengedar dadah ini dalam tempoh 5 tahun. Mungkin itulah sebabnya akta ini diberikan tarikh yang ditetapkan iaitu tempoh 5 tahun dan hari ini, tahun 1990 sekali lagi telah pun dilanjutkan. Kali ini tahun 1995 dilanjutkan dan saya percaya tahun 2000 kalau kita masih ada lagi di Dewan ini, akta ini juga akan terus dilanjutkan. Jadi, saya berharap supaya dipinda akta ini. Jangan hanya dilanjutkan bagi tempoh 5 tahun, 5 tahun sahaja. Biarlah akta ini terus berada kerana saya percaya masalah dadah ini akan terus berada di dalam negara kita ini dan saya percaya tidak jadi masalah kalaulah akta ini masih lagi terdapat, kenapa pula kita gunakan hanya untuk tempoh 5 tahun sahaja.

Seperti mana yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, setakat ini sejak akta ini diluluskan, iaitu pada bulan April 1985 dan juga dikuatkuasakan pada 15 Jun 1985, seramai 4,083 perintah-perintah

tahanan telah pun dilakukan dan 700 perintah-perintah sekatan telah pun dilakukan pada pengedar-pengedar dadah.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada 4,083 yang telah pun dikenakan perintah tahanan sejak daripada akta ini diluluskan atau dikuatkuasakan, berapa ramaikah daripada mereka ini telah pun dihadapkan ke mahkamah dan berapa ramai pula yang telah pun didapati bersalah? Dari angka ini, nampaknya walaupun kita telah pun tahan mereka di pusat-pusat pemulihan, nampaknya angka penagih dadah terus bertambah dari masa ke semasa.

Apa yang saya khawatirkan ialah apa yang kita tangkap yang 4,083 ini hanyalah merupakan ikan-ikan bilis di dalam pendedaran dadah. Ikan-ikan jerungnya kemungkinannya masih lagi bermaharajalela dan di sinilah kita berharap pihak Kerajaan tidak akan bertolak ansur di dalam usaha untuk membanteras gejala-gejala ataupun pengedar-pengedar dadah ini. Buat apa sahaja undang-undang yang membolehkan mereka ini ditahan.

Saya tengok di bawah akta yang ada sekarang ini iaitu akta yang telah pun diluluskan di bawah Seksyen 3, ianya memberi kuasa kepada polis menahan tidak lebih daripada 60 hari untuk tujuan penyiasatan.

Saya telah pun berjumpa dengan beberapa orang pegawai polis, mereka berpendapat bahawa kadangkala tahanan 60 hari ini dengan kakitangan yang tidak mencukupi, dengan susahnyanya untuk berkomunikasi dengan penagih-penagih dan juga pengedar-pendedar dadah ini, kadangkala soalan-soalan yang diajukan kepada mereka ini tidak dijawab oleh mereka yang terlibat.

Jadi, saya berharap supaya satu pertimbangan diberikan supaya kuasa-kuasa yang diberikan kepada pihak polis untuk menahan mereka ini boleh dilanjutkan daripada 60 hari kepada mungkin 90 hari dan sebagainya. Begitu juga di bawah Seksyen 6, di mana pihak Menteri boleh menahan tidak lebih dari 2 tahun dan selepas itu jika didapati tahanan dua tahun itu tidak mencukupi, Seksyen 11(a) pula memberikan kuasa kepada Menteri.

Saya baca seksyen-seksyen ini untuk menunjukkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa saya telah pun membaca Akta ini. Bahawa Menteri yang bertanggungjawab boleh menahan untuk tambahan 2 tahun lagi. Bermakna, dalam konteks ini Menteri hanya mempunyai kuasa untuk menahan seorang pengedar itu untuk jangka masa 4 tahun sahaja dan selepas itu, Menteri hendaklah mengambil keputusan sama ada membebaskan ataupun diadakan tahanan secara restricted.

Jadi, di sini kita berharap, kadang kala terdapat pengedar-pengedar yang kalau sahah mereka itu diyakini telah pun menjadi pengedar, pihak Kerajaan atau pihak Menteri hendaklah diberikan kuasa-kuasa yang lebih untuk menahan mereka ini. Saya tahu kadangkala kita faham agak susah untuk mencari bukti-bukti untuk mereka ini dibawa ke mahkamah untuk dibuktikan di mahkamah. Kemungkinan ada yang mempersoalkan kalau kita tahan terlalu lama, mungkin kadang kala itu ada pihak-pihak NGO ataupun pihak-pihak pertubuhan-pertubuhan yang di luar daripada negara kita akan mempersoalkan bahawa seolah-olah tidak ada kebebasan di negara kita ini — kita menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepada menteri-menteri dan juga kepada Kerajaan.

Pada saya, biarlah apa sahaja yang dituduh oleh pihak-pihak luar negara atau kumpulan-kumpulan luar negara, asalkan kita dapat menyelamatkan ratusan ribu ataupun kemungkinannya hampir-hampir 1 milion penagih-penagih dadah ataupun mereka yang terlibat dengan dadah ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu kita semua faham bahawa soal dadah ini bukanlah suatu yang baru, bukannya sejak tahun 1985 lagi kita menghadapi masalah dadah ini. Di negara kita ini dari segi sejarahnya telah pun bermula dengan penghisapan candu daripada kurun yang ke-19, hinggakan pada tahun 1910, Kerajaan British pada masa itu telah pun mengambil alih pengimportan candu. Sebelum itu pengimportan candu boleh dibuat oleh sesiapa sahaja. Pada tahun 1945 pula, opium smoking telah pun tidak dibenarkan di negara kita ini dan Akta Dadah Berbahaya telah pun mula diperkenalkan pada tahun 1952.

Jadi bermakna, soal dadah ini bukanlah sesuatu yang baru, kemungkinannya selama ini hanya sejak beberapa tahun — 10 ataupun 20 tahun kebelakangan ini barulah kita mengambil berat soal-soal penyalahgunaan dadah. Saya berharap melalui beberapa akta yang telah pun diluluskan — akta-akta yang melucutkan harta dan juga sebagainya kepada pengagih-penagih dadah ini, nampaknya dari masa ke semasa soal penagihan dadah ini berterusan dan dari data yang kita perolehi, itulah sebabnya saya tidak terperanjat bila membaca berita bahawa dadah juga terdapat di penjara-penjara kita kerana dari dadah yang diperolehi, 40 % daripada banduan-banduan yang ditahan di penjara-penjara kita mempunyai kaitan dengan dadah. Jadi di sini, kemungkinannya pasarannya baik, itulah sebabnya malah di penjara-penjara pun dadah boleh diedarkan.

Perlulah kita mengambil satu tindakan yang drastik. Kita telahpun mengambil beberapa tindakan, umpamanya kita telah pun mengenakan hukuman mati mandatori kepada pengedar-pengedar dadah dan pada saya, saya percaya, apa sahaja tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan, ianya akan terus mendapat sokongan daripada rakyat untuk membanteras epidemic dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat sedikit pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mengikut Akta 234, Akta Dadah Berbahaya 1952, dadah berbahaya mempunyai makna seperti yang dicatatkan dalam senarai dalam akta yang diluluskan pada tahun 1952 dan telah pun dipinda beberapa kali pada tahun 1980, iaitu heroin, morfin, candu mentah, candu masak, ganja dan juga kokain.

Sekarang ini juga satu trend di setengah-setengah tempat, malah di setengah-setengah tempat itu, ubat batuk pun boleh dicampurkan dengan Coca Cola, Tuan Haji Salam? Dia tahu sebab perkara-perkara ini berlaku di Kelantan. Ubat batuk boleh dicampur dengan minuman Coca Cola ataupun Pepsi Cola, ianya pun boleh dijadikan satu bahan penagihan. Apakah pihak Kementerian juga tidak bercadang untuk memasukkan bahan-bahan ataupun perkara-perkara seperti ini sebagai salah satu daripada bahan-bahan yang membawa makna sebagai dadah yang merbahaya.

Satu lagi pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan juga bercadang memasukkan alkohol ataupun minuman keras sebagai dadah yang merbahaya kerana di negara-negara Barat seperti di Amerika ataupun di Australia, di bawah senarai Akta Dadah Berbahaya atau Drug

Abuse, termasuk juga penagihan alkohol ini. Adakah Kerajaan juga bercadang supaya memasukkan penagihan alkohol juga sebagai salah satu daripada item yang dimasukkan ke dalam dadah berbahaya ini?

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahaja pandangan saya dan saya berharap dan saya percaya kita akan memberikan sokongan untuk melanjutkan lagi tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya ini, bukan hanya untuk selama 5 tahun lagi, pada saya untuk selama-lamanya kerana masalah dadah ini akan berterusan. Selagi negara kita maju, selagi ada wang, — seperti mana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, negara kita adalah negara yang berhampiran dengan The Golden Triangle. Jadi dari masa ke semasa, saya percaya masalah dadah ini akan tetap ada. Tidaklah menjadi kesalahan, kalau pun masalah dadah ini telah pun terhapus, Akta ini masih lagi juga kita gunakan ataupun kita kuatkuasakan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baهران.

3.08 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong resolusi melanjutkan tempoh penguatkuasaan Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, ada lebih 100,000 belia yang didaftarkan sebagai penagih dadah dan lebih 4,000 orang sebagai pengedar najis dadah. Sudah

sewajarnya Akta ini disambung tempohnya supaya mereka ini diberi masa untuk dibaik pulih dan aktiviti pengedar disekat yang sekali gus dapat terus mengawal pengedaran serta membanteras penyalahgunaan najis dadah ini. Kita insaf bahawa kegiatan ini, jika tidak disekat dan dikawal akan menjejaskan keupayaan rakyat mahupun produktiviti negara.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya ingin menyentuh tentang peranan dan sumbangan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan, khususnya PEMADAM. Pada pandangan saya, PEMADAM haruslah menangani peranan melalui dua cara, iaitu pencegahan dan rawatan. Dalam konteks ini, saya merasakan bahawa pertubuhan bukan Kerajaan sepatutnya memberi penekanan dan tumpuan kepada kerja-kerja pencegahan dan secara tidak langsung dapat menyelamatkan masa dan wang di samping dapat mengurangkan penyalahgunaan dadah ini dan penekanan dan tumpuan ini saya rasa haruslah diberi galakan dan sedikit motivasi.

Di masa yang sama saya juga merasakan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan tadi dapat bergerak dengan berkesan dengan menyarankan bahawa kerajaan dapat melibatkan pihak-pihak swasta serta individu-individu profesional supaya mereka dapat menjalankan gerak kerja penyekatan ini dengan lebih sempurna. Kedua-dua pihak tadi dimestikan ataupun diberi galakan untuk melibatkan diri dengan perancangan dan pengendalian program pencegahan dan rawatan yang saya sebutkan tadi.

Sekiranya perlu, struktur PEMADAM itu sendiri haruslah dikaji supaya diberi tenaga baru supaya dapat memainkan peranan tersebut. Langkah-langkah mengemaskinikan setiap tahap dalam PEMADAM juga perlu diambil kira bagi

memastikan keberkesannya sehingga peringkat akar umbi. Saya merasakan setakat ini sukarelawan-sukarelawan yang ada dalam PEMADAM adalah juga sukarelawan-sukarelawan yang bergerak cergas di lain-lain bidang di dalam aktiviti kemasyarakatan negara. Jika kita dapat bawa individu-individu profesional dan pihak-pihak swasta tadi, saya merasakan kita dapat menjalankan kegiatan pencegahan yang lebih sempurna.

Saya juga merasakan perlu dibentuk satu sayap belia didalam PEMADAM ataupun pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan memandangkan gejala ini rata-rata melibatkan para belia dan seharusnya para belia ataupun sukarelawan daripada belia jugalah yang membantu menghulur tenaga ke arah memulihkan penagih-penagih melalui hubungan sukarelawan belia dengan Kementerian-kementerian seperti Kementerian Belia dan Sukan; ia dapat menyalurkan aktiviti khusus ke arah pencegahan dan membaik pulih penagih-penagih tadi.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berhenti di sini. Dasar kepada saranan-saranan di atas, sekali lagi saya ingin menekankan bahawa saya bersetuju kepada lanjutan tempoh penguatkuasaan Undang-undang Dadah Berbahaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

3.12 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong lanjutan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama lima tahun lagi. Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah dengar pembentangan Timbalan Menteri Dalam Negeri mengenai najis dadah dan saya bangun

bukan untuk memberi hujah-hujah yang baru mengenai najis dadah tetapi memberi pandangan sedikit kerana najis dadah ini bukan sahaja sudah pun menular ke tempat-tempat yang jauh, tempat-tempat pedalaman seperti di hulu-hulu sungai kerana sekarang Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum negara kita mempunyai polisi yang terbuka untuk menggalakkan orang-orang luar negara kita datang sebagai pelancong. Jadi, kita khawatir mungkin ada setengah-setengah orang yang melancong ini akan menyalahgunakan kebebasan mereka datang ke negara kita, ke ibu kota seperti di Bandaraya Kuala Lumpur dan seterusnya ke tempat-tempat pedalaman dan dengan itu kalau tidak ada akta ataupun undang-undang kita yang mencegah ataupun melarang mereka membawa perkara-perkara yang merbahaya seperti najis dadah, walau apa pun jenisnya; alkoholkah seperti yang rakan saya Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba katakan tadi, walaupun apa sahaja jenisnya, saya rasa kalau tidak ada sekatan langsung mungkin negara kita akan menjadi mangsa.

Saya sebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam perjalanan saya ke tempat-tempat pedalaman saya telah dengar ramai budak-budak dari kampung-kampung rumah panjang tidak lagi merasa "kick" dengan minum arak tetapi yang lebih keras daripada itu. Bagi ibu bapa mereka, mereka tidak tahu apa ertinya yang mempunyai "kick".

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ding Seling, tuak macam mana?

Tuan Ding Seling: Tuak itu, Tuan Yang di-Pertua tidak ada "kick" lagi. Biasa sahaja. (*Ketawa*) Jadi, saya telah dengar, Tuan Yang di-Pertua, ramai orang-orang muda yang di hulu sungai sekarang ini mempunyai pendapatan

yang lebih oleh kerana mereka mempunyai peluang kerja seperti di dalam industri pembalakan, mereka telah mendapat pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan ibu bapa mereka; jadi untuk menggunakan wang mereka yang lebih itu bukan sahaja mereka membeli-belah barang, kain dan baju seperti dahulu tetapi juga membeli barang-barang yang lain kerana saya ingat dari segi propensity to consume, dengan izin, bukan sahaja dari aspek apa yang sudah biasa mereka consume ataupun gunakan tetapi dari aspek-aspek yang lain. Jadi, selalu saya dengar ada muda-mudi yang sekarang ini mempunyai pendapatan yang lebih tinggi, sekarang bukan sahaja hendak minum minuman keras tetapi juga yang menggunakan perkara yang keras.

Saya bukanlah tahu menahu mengenai dadah. Saya tidak tahu apa dia barang "keras" itu tetapi pernah mendengar aduan daripada ibu bapa muda-mudi dari luar bandar yang mengatakan anak saya begitu begini, iaitu ertinya tidak lagi seperti seorang muda-mudi yang bertanggungjawab tetapi ada menyeweleng dari cara yang biasa.

Jadi, itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan dari seorang dari luar bandar sudah pun juga diancam oleh najis dadah ini telah menular bukan sahaja di bandar-bandar besar tetapi di tempat-tempat yang jauh juga. Jadi, sekiranya akta ini tidak dilanjutkan, saya khuatir mungkin bukan sahaja dadah yang potent itu pergi ke hulu-hulu sungai tetapi juga yang begitu potent. Jadi, dari segi itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita sedang membangun dan ekonomi kita pun sedang membangun dengan pesat, saya rasa memang adalah orang dari luar negara kita seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, kita dekat sahaja dengan Golden Triangle yang mengedar-

kan dadah ini, memang adalah yang mengatakan Malaysia adalah tempat satu market di mana kita boleh mengedarkan. Kerana di negara kita ini juga ramai muda-mudi dari luar bandar yang tidak begitu canggih dari pandangan world view mereka, mungkin mereka senang sahaja diperdayakan dengan mengatakan, "Ini barang bagus untuk you, you gunakan kerana you mampu untuk membelinya".

Jadi, dari aspek itu, Tuan Yang di-Pertua, kita khuatir mungkin ada golongan-golongan tertentu yang melihat perkembangan ekonomi kita untuk menjadi satu market tempat mengedarkan dadah. Jadi, saya rasa dari aspek itu untuk menentukan perkembangan ekonomi kita, ada sekatan atau weapon to control that our economy will not be misused by other people, than I believe, Tuan Yang di-Pertua, it is good to have this act extended; not only for five years. Saya setuju dengan rakan saya Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba tadi sehingga bila-bila sahaja ia perlu.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Usul untuk melanjutkan akta ini bukan sahaja lima tahun lagi tetapi sehingga beberapa lama sahaja Kerajaan fikir perlu untuk menjaga negara kita agar pembangunan kita dari segi ekonomi dan juga dari segi pembangunan manusia tidaklah terancam dalam masa-masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Puan Hajah Zaleha binti Hussin.

3.20 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyokong

suatu akta mengenai melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya selama 5 tahun mulai 15 Jun 1995.

Oleh kerana memandangkan dadah adalah merupakan pembunuh generasi yang utama dan penghancur kepada cita-cita dan wawasan negara, akta ini pada saya ia amatlah mustahak untuk kita lanjutkan kerana dengan apa yang kita dapati dadah adalah merupakan musuh negara yang utama. Tetapi walau dalam memberi sokongan melanjutkan akta ini, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain iaitu bersetuju supaya akta ini tidak dihadkan masa-masa tertentu. Kerana, apabila ia disebut dalam masa 5 tahun dan sebagainya, ertinya penyambungan itu akan terus perlu dibuat di dalam masa-masa yang tertentu. Kerana, dalam soal dadah ini ia bukan merupakan perkara yang kecil tetapi ia adalah merupakan perkara yang besar yang menjadi kuman kepada masyarakat.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan pandangan bahawa mengikut apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa pihak Kerajaan telah pun mengadakan suatu usaha untuk pemulihan ataupun mereka yang terlibat dengan dadah ini mengikuti program-program pemulihan. Walau bagaimanapun, program-program pemulihan ini amatlah baik yang telah dibuat oleh Kerajaan seperti aktiviti-aktiviti mengenai kegiatan berkenaan dengan fizikal dan rohaniah. Tetapi yang saya kesalnya ialah apabila penghisap dadah atau pengedar yang telah ditangkap kemudian apabila mereka keluar daripada tahanan tersebut, biasanya mereka kembali semula kepada gerakan-gerakan yang demikian.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian, apakah

pihak Kementerian telah membuat suatu kajian mengapakah perkara ini berlaku. Apakah mereka yang terlibat di dalam tahanan ini apabila pulang ke pangkuan masyarakat, mereka merasa dari segi psikologinya mereka merasa rendah diri ataupun masyarakat memandang mereka sebagai sampah dan satu penghinaan. Kalau ini yang berlaku, maka saya mengesyorkan kepada pihak Kementerian supaya mengadakan suatu program ataupun mengadakan usaha-usaha yang tertentu untuk mengembalikan semangat dan keyakinan diri kepada mereka yang terlibat dalam soal najis dadah ini. Apabila mereka pulang kepada masyarakat nanti mereka tidak akan terjerumus kembali ke dalam perkara-perkara yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kerana saya dapati ramai daripada mereka yang terlibat dengan penyelewengan dadah ini, apabila mereka pulang kepada masyarakat, biasanya ada di antara mereka yang saya difahamkan kadang-kadang walaupun masyarakat menerima mereka, tetapi kadang-kadang mereka didatangi kembali oleh golongan-golongan yang telah pun merapati mereka di kala sebelum mereka menerima tahanan tersebut.

Saya juga bersetuju ada rakan kita sebentar tadi mengatakan bahawa penangkapan-penangkapan dalam sudut penghisapan dan pengedaran dadah ini kita hanyalah menangkap penghisap dadah tetapi pengedar-pengedar dadah yang utama telah pun membawa dadah itu ataupun yang menyebabkan berlakunya penghisapan dadah khususnya di kalangan anak-anak remaja. Pada saya mungkin mereka ini belum dapat ditangkap dengan secara berkesan.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian di dalam masa ini, apakah dengan usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan, apakah pengurangan berlaku

pada gerakan-gerakan mereka yang terlibat dengan najis dadah ini. Kalau ianya tidak ada pengurangan, bererti kita belum lagi berjaya dan belum lagi berkesan usaha-usaha kita dalam sudut penangkapan, tahanan dan pemulihan.

Saya dapati misalnya di sekolah-sekolah menengah atau di institusi-institusi tinggi Kerajaan masih ada lagi di mana-mana pun sama ada swasta, masih ada penglibatan dadah ini terutama di kalangan remaja. Di antara sesama mereka ada berlaku pengedaran, penagihan dadah dan sebagainya. Tetapi sejauh manakah pengedar yang benar-benar yang terlibat secara langsung ini telah dikesan dan dapat ditangkap oleh pihak yang berkuasa.

Jadi, pada saya dalam soal-soal kita memikirkan soal perlanjutan akta ini, kita juga perlu memikirkan apakah yang dapat kita usahakan dengan lebih berkesan dalam kita membanteras penyalahgunaan dadah di kalangan anak-anak remaja dan juga di kalangan mereka yang berminat ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga majoriti daripada yang terlibat ini adalah remaja. Tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, bagaimanakah peningkatan umur ataupun dari segi umur yang terlibat dengan dadah ini, apakah daripada sekolah menengah ataupun daripada institusi. Seramai manakah mereka ini yang terlibat kerana remaja-remaja yang terlibat ini terutama dalam sekolah dan sebagainya, pada saya, apa yang saya difahamkan adalah ramai dan apakah ada penyelarasan di antara Kementerian Dalam Negeri dengan pihak Kementerian Pendidikan dalam soal membentuk remaja-remaja yang telah pun terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saja pandangan dan perkara-perkara yang hendak saya sampaikan di Dewan yang mulia ini. Dengan ini saya menyokong suatu Akta berkenaan kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya untuk dilanjutkan selama 5 tahun pada 15 Jun 1995. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Johan B.O.T. Ghani.

3.29 *ptg.*

Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun di Dewan yang mulia ini ialah untuk turut membahas berhubung dengan dadah berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum pada hari ini, awal-awal lagi sehingga pada hari ini bahawa dadah berbahaya ini bukan sahaja baru malahan ia sudah lama, seperti mana dijelaskan oleh sahabat saya tadi, Tuan Rahim Baba.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia pada hari ini musuh utama kita ialah dadah kerana dadah bukan sahaja ia mengancam, seperti mana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, ia tidak mengira sama ada dia melayu, sama ada dia Cina, sama ada dia Kadazan, sama ada apa bangsa, maka dadah akan menular kepada mereka ini. Dadah juga pada hari ini kita lihat telah pun menular bukan sahaja di kota-kota besar, tetapi juga di negeri-negeri, di kampung-kampung dan di sekolah-sekolah.

Jadi, Tuan yang di-Pertua, memang kita tidak lagi ragu-ragu untuk memberi sokongan penuh kepada Kerajaan sekarang ini. Malahan kita berterima kasih kepada Kerajaan yang pada hari, Kerajaan sekarang, Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini kerana memberi

perhatian kepada rakyat yang berbilang bangsa dan kaum ini. Jadi, dengan keprihatinan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka itulah dadah berbahaya ini telah dimasukkan dalam Akta ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dijelaskan oleh Timbalan Menteri dan juga rakan-rakan tadi tentang dadah ini, tetapi apa yang menghairankan saya sehingga pada hari ini, daripada awal-awal hingga pada hari ini, seperti mana yang telah diterangkan oleh rakan saya, Tuan Rahim Baba dan juga rakan-rakan saya yang lain, cuma yang kita dapat dengar, yang dapat dikesan, yang dapat ditangkap pada hari ini, yang kecil-kecil sahaja. Jadi, yang besar-besar ini, yang boss, dia punya chief ini jangan kata jarang-jarang, tidak pernah kita dengar. Jadi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada dia punya chief, dia punya boss ini berada di dalam negara kita ini ataupun di negara luar.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat 'Tuan' Johan sendiri tahu di mana?

Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Ha, inilah nak tanya kepada Timbalan Menteri (*Ketawa*) sebab kita kurang faham. Kalau dia berada di dalam negara kita ini sebegitu lama dadah ini sudah pun dibincangkan. Kita tak pernah dengar. Bukan jarang-jarang tetapi tak pernah dengar yang kena tangkap bossnya. Yang kena tangkap kecil-kecil sahaja, 'ikan bilis' kata sahabat saya. Jadi, inilah menjadi pokok persoalan kita. Selagi ikan jerung, boss-boss ini, chief ini tak dapat dikesan, tak dapat ditangkap, selagi itulah dadah ini akan terus-menerus malahan kita ada dengar di penjara-penjara pun ada, kata Yang Berhormat ini di mana-mana pun ada.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah soal dadah ini memang kita di Dewan Negara ini tidak ragu-ragu untuk memberi sokongan penuh kepada Kerajaan pada hari ini bukan sahaja lima tahun, Tuan Yang di-Pertua, malahan kalau boleh selama-lamanya kita harus kekalkan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang paling senang didapati di negara kita ini, kita asyik bercakap fasal dadah kerana dadah ini memang popular. Tetapi yang saya lihat pada hari ini yang paling merbahaya kepada remaja kita yang puluhan umur, 10 tahun, 12 tahun, 15 tahun. Yang paling merbahaya yang kita lihat pada hari ini dengan mata kepala kita sendiri, yang senang didapati ini ialah kata sahabat saya 'ubat batuk' dan 'gam', kerana ubat batuk dan gam ini di kedai-kedai kecil, di farmasi-farmasi kita boleh dapat dan juga gam pada tukang-tukang kasut kita boleh dapat. Jadi, ini yang kita lihat yang paling merbahaya pada hari ini peringkat umur yang rendah, peringkat umur yang puluhan tahun ini, belasan tahun ini yang paling merbahaya.

Saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini kepada Timbalan Menteri supaya ubat batuk dan gam ini harus juga dimasukkan ke dalam Akta ini. Saya percaya.....

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana minuman yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim tadi?

Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua, minuman ini saya ingat tidak juga merbahaya. (*Ketawa*) Ya, ia juga merbahaya.....

Seorang Ahli: Tapai macam mana?

Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Macam kata Yang Berhormat Tuan Rahim, tapai dia kata merbahayakah? Saya kata, tidak merbahaya. Yang merbahaya ialah yang disebutkan tadi. Jadi, soal ubat batuk ini kita sudah dapat melihat sendiri dan gam juga kita lihat sendiri. Saya pernah melawat di Tunas Bakti, Kota Kinabalu, hanya umur belasan tahun budak-budak ini dimasukkan di sana. Bila kita tanya, dia minum ubat batuk. Kalau kita lihat, dia pun macam orang ketagih juga. Saya pernah lihat di situ macam juga orang ketagih dadah. Ubat-ubat batuk ini sebenarnya harus juga saya cadangkan, sekali lagi saya tekankan supaya dimasukkan juga ke dalam Akta dan gam juga dimasukkan ke dalam Akta kerana ini juga yang sama merbahaya dengan dadah kerana dari peringkat anak-anak kecil lagi dia boleh dapat dengan senang sahaja.

Jadi, saya berpendapat barangkali oleh sebab ubat batuk dan gam ini tidak ada macam apa yang berlaku di dalam Akta Dadah ini, oleh sebab dia tidak masuk dalam akta, jadi tidak ada tindakan-tindakan yang diambil dalam kes dadah ini. Jadi, haruslah juga difikirkan dan ditimbang kerana ini juga lebih merbahaya kalau kita lihat dari segi peringkat awalnya. Di sekolah-sekolah kita lihat, tanya kepada guru-guru mengenai budak-budak yang belasan tahun ini hisap gam, minum ubat batuk. Selepas itu bila dia hisap gam dan minum ubat batuk, dia sudah ketagih, dia akan pergi cari dadah. Inilah mungkin cara-cara permulaannya pengedar-pengedar dadah ini buat. Seperti mana kata saudara tadi, dia tidak akan gunakan yang keras-keras dahulu. Dia gunakan lembut sedikit sehingga pergi kepada yang keras.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang kita bincangkan pada hari ini supaya ubat batuk dan gam ini juga kita akan masukkan dalam akta ini:

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat juga untuk berbahas dalam perbahasan ini terlalu panjang. Mungkin ada lagi saudara-saudara saya yang ikut dalam perbahasan ini, maka saya di sini memberi sokongan penuh ke atas akta ini dan juga agaknya tidak terlambat bagi saya untuk mengucapkan tahniah kepada Dato' Yang di-Pertua kerana dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara kita pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Johan ini sudah mendapat gelaran 'Datuk'. Saya salah tersebut 'Tuan' tadi. Jadi, sila Yang Berhormat Puan Habshah.

3.36 ptg.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan perbahasan ini, saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' yang telah diberi jawatan baru sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk membahaskan dan seterusnya menyokong usul yang dibentangkan pada petang ini iaitu melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama lima tahun mulai 15 Jun, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita selalu memperkatakan mengenai masalah sosial yang dihadapi oleh negara kita yang sedang pesat membangun ini dan menghadapi masalah-masalah sosial seperti bohsia, bohjan, AIDS dan lain-lain yang kebanyakannya adalah berpunca dari penyalahgunaan dadah.

Usul ini semestinyalah disokong malah sepatutnya sudah lama dikuatkuasakan demi untuk menyelamatkan masa depan generasi kita akan datang. Di sini saya berpendapat iaitu punca-punca yang menyebabkan pengedar-pengedar ini berleluasa atau 'survive', dengan izin, ialah kerana permintaan yang tinggi dan kerana ekonomi negara kita yang baik. Seperti yang kita semua ketahui, dengan penonjolan hidup mewah dan penuh glamour di bandar-bandar melalui media dan akhbar-akhbar serta majalah-majalah hiburan telah menarik minat remaja dan belia terutamanya dari luar bandar ke bandar-bandar. Begitu juga dengan kemudahan dan peluang mendapatkan pekerjaan di bandar-bandar telah juga menarik minat orang-orang luar bandar termasuk pekerja-pekerja asing. Remaja-remaja sering terperangkap dengan janji-janji dan kata-kata manis orang-orang yang baru dikenali yang menjamin masa depan yang lebih baik kepada mereka.

Di samping itu, saya berpendapat mereka yang terperangkap ini adalah dari golongan yang kurang mendalami ajaran agama dan dengan itu mudah terpengaruh dengan kemewahan yang dijanjikan itu. Peranan ibu bapa juga adalah amat penting kerana ada kalanya mereka terlalu sibuk dengan hal-hal sendiri dan tiada masa untuk mengambil tahu masalah-masalah anak yang memerlukan bimbingan dan kasih sayang itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pada masa ini lebih daripada 100,000 orang penagih yang 'hardcore', yang tidak ada harapan untuk pulih lagi, membelanjakan sekurang-kurangnya RM30 nilai untuk dadah sehari bagi tiap-tiap seorang. Ini bermakna perbelanjaan untuk penagih-penagih yang tidak ada harapan ini sahaja sudah berjumlah RM3 juta sehari, belum termasuk penggunaan dadah di kalangan penagih-penagih yang lain. Bayangkanlah betapa banyaknya wang ini terbuang dan mengalir ke luar negara di mana dadah ini diperolehi dan bayangkanlah juga betapa baiknya jika wang ini digunakan untuk membangunkan rumah-rumah dan sekolah-sekolah dan pembangunan prasarana yang lain bagi mencapai matlamat Kerajaan menuju kejayaan pada tahun 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini amat bernasib baik kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri amat mengambil berat mengenai masalah dadah berbahaya ini. Sudah tentu masalah ini mengancam keselamatan negara di samping merosakkan generasi umat Malaysia akan datang. Beliauah orang yang pertama menyuarakan mengenai bahayanya dadah di peringkat antarabangsa di mana Malaysia menyarankan hukuman mati mandatori kepada pengedar-pengedar yang mempunyai dadah lebih dari 15 gram. Walaupun pada awalnya beliau mendapat tentangan hebat, tetapi akhirnya telah mendapat sokongan dari beberapa negara seperti Singapura dan Australia. Kerana usaha-usaha yang tidak putus-putus membanteharas penyalahgunaan ini, Yang Amat Berhormat telah dilantik sebagai Presiden Dadah Sedunia.

Tuan Yang di-Pertua, banyak usaha, masa dan wang ringgit telah dicurahkan oleh Kerajaan bagi memulihkan semula penagih-penagih ini, namun demikian tidak semua yang dipulihkan itu berjaya, malah ramai juga yang berbalik semula menagih.

Dalam hal ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada organisasi bukan Kerajaan seperti PEMADAM dan PENGASIH yang terus-menerus membimbing penagih-penagih ini di bawah naungan pihak-pihak seperti Pasukan Petugas Anti Dadah Negara, Majlis Keselamatan Negara, dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kata pepatah Melayu "Pencegahan adalah lebih baik dari mengubati".

Di sini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan, yang sentiasa berusaha mengatitkan rancangan membimbing belia-belia dan remaja ke jalan hidup sihat tanpa dadah.

Para remaja Malaysia amat bertuah dan bernasib baik dan janganlah lepaskan peluang yang terbuka luas untuk mereka mengikuti berbagai-bagai program seperti Rakan Muda, Rakan Waja Diri, Rakan Sukan dan lain-lain ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya undang-undang dan peraturan yang disediakan oleh Kerajaan dan kesedaran dari rakyat mengenai bahayanya dadah ini, saya yakin dan berdoa satu masa nanti Malaysia akan bersih dari gejala buruk ini, dan terus menempa kejayaan seperti yang kita hasratkan, insya-Allah. Dengan ini saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Puan Mastika Junaidah.

3.42 ptg.

Puan Mastika Junaidah binti

Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk sama-sama membahaskan Usul yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu mengenai Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama 5 tahun mulai 15 Jun, 1995.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya perkatakan telah pun diperkatakan oleh beberapa orang rakan tadi dan agak malang setelah 3 kali saya bangun baru diberi peluang oleh Tuan Yang di-Pertua.

Ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh dalam perbahasan ini. Pertamanya saya ingin menyebutkan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa perkara supaya kita dapat memikirkan betapa kesan dadah berbahaya ini kepada negara kita. Kajian yang saya buat iaitu rekod-rekod yang saya rujuk pada tahun 1990 di negara kita cuma ada 770 orang sahaja yang terlibat dengan penagihan dadah ini. Tetapi pada akhir tahun 1992 peningkatan kepada bilangan penagih di negara kita meningkat sehingga 168,359 orang. Jika kita kira dari segi peratus peningkatan ini telah menunjukkan 21,900 peratus. Ini satu keadaan yang mana tadi Timbalan Menteri telah menerangkan dengan panjang lebar betapa menunjukkan kepada kita dadah ini ialah merupakan ancaman yang begitu besar kepada negara.

Saya bersetuju dengan rakan tadi menyebutkan bahawa dadah adalah musuh utama negara. Kalau dahulu komunis menjadi musuh utama kepada kita, tetapi sekarang dadah adalah menjadi musuh utama, kerana tenaga kerja atau human resource yang ada di negara kita ini akan lumpuh sekiranya dadah tidak kita perangi dengan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha-usaha memerangi dadah, pihak Kerajaan telah pun mengadakan program-program yang tertentu seperti pusat-pusat rawatan dan juga pusat-pusat jagaan lanjutan. Pusat-pusat Serenti yang ditubuhkan di negara kita ini telah pun menjalankan usaha-usaha mereka untuk mengatasi dan juga untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini, cuma yang agak mengecewakan kita setelah sekian banyak belanja yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan, kita dapati pencapaian ataupun kejayaan untuk memulihkan mereka ini cuma di antara 30%-40% sahaja.

Saya kira ini adalah perkara yang harus diambil perhatian dengan begitu serius oleh pihak Kementerian. Apakah program-program yang telah kita susun melalui Pusat-pusat Serenti ini benar-benar berkesan ataupun, adakah kajian semula patut dilakukan untuk kita memastikan supaya angka pencapaian 30% ini ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di Pusat-pusat Serenti kita dapati sistem yang dijalankan adalah sistem "tough and rugged", dengan izin. Saya mintalah pihak Kementerian jika dapat sistem ini dikaji supaya soal-soal humanity ataupun kemanusiaan dapat dimasukkan di dalam program-program pemulihan. Kerana melalui pengalaman-pengalaman saya yang terlibat di dalam Jawatankuasa

Pengawasan Pusat Serenti, kita dapati program yang diadakan di Pusat Serenti di mana penagih-penagih dadah ini ditempatkan, kemungkinan mereka yang telah pun diletakkan di sana di mana pemikiran mereka, jiwa mereka, daripada diri mereka sendiri tidak ada perasaan untuk mereka memulihkan diri mereka. Mereka berada di Pusat Serenti kerana mereka telah pun ditangkap ataupun mereka terpaksa berada di sana. Oleh yang demikian, selepas 3 tahun mereka berada di Pusat Serenti, keluar daripada Pusat Serenti dengan masalah-masalah yang ada di dalam masyarakat mereka kembali kepada penagihan, dan akhirnya mereka ini terpaksa ditempatkan semula di Pusat-pusat Serenti. Ini saya kira telah pun memakan belanja, menggunakan perbelanjaan yang besar — perbelanjaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh di sini iaitu baru-baru ini kita dengar kenyataan di mana ada pegawai-pegawai penjara terlibat dengan pengedaran dadah. Bagi saya 'Pagar Makan Padi' ini adalah satu perkara yang serius dan usaha-usaha harus dijalankan untuk kita mengatasi supaya 'Pagar Makan Padi' ini bukan sahaja di dalam penjara, tetapi di jabatan dan agensi yang lain harus di beri perhatian.

Jika sekiranya pihak-pihak yang kita beri kepercayaan, pihak-pihak yang telah pun diberi amanah untuk memastikan supaya pengedaran-pengedaran dadah ini tidak berleluasa, tetapi orang yang kita beri kepercayaan ini sebenarnya tidak mendukung dan tidak menjalankan tanggungjawab mereka, maka bererti usaha-usaha kita dalam memerangi gejala dadah ini adalah gagal.

Oleh yang demikian, saya berharap melalui Dewan yang mulia ini, kita berharap supaya pihak Kementerian bukan sahaja penjara, tetapi jabatan-jabatan yang lain juga harus kita periksa. Apakah semua jabatan-jabatan yang telah pun kita beri amanah untuk memerangi gejala ini telah benar-benar dapat memainkan peranan mereka? Kerana sebagaimana yang kita dengar tadi di dalam perbincangan kita, bahawa dadah ini kalau kita lihat daripada business commodity adalah merupakan suatu perniagaan yang menguntungkan. Itulah sebabnya walaupun kita kenakan hukuman mati mandatori masih ada lagi pihak-pihak yang sanggup menjalankan kegiatan-kegiatan ini. Tidak hairanlah bagi kita ada pihak-pihak yang mana terlalu mudah terpengaruh dengan kebendaan dan mungkin terpengaruh dengan tawaran-tawaran yang begitu baik sehingga menyebabkan usaha-usaha kita untuk membanteras keadaan ini tidak dapat kita laksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sarankan di Dewan yang mulia ini, iaitu penjualan ataupun pengedaran dadah di pantai dan di laut. Sekarang ini kita dapati bahawa kawasan-kawasan yang boleh dianggap sebagai kawasan hitam di mana ramai mereka di kawasan tersebut telah pun terjebak dengan gejala dadah ini adalah terdiri daripada kampung-kampung di tepi pantai dan juga nelayan-nelayan, terutama sekali di sebelah utara. Saya difahamkan bahawa gejala ini berlaku oleh kerana ada penjualan belaku di persekitaran laut dan pantai.

Oleh yang demikian, kita berharap supaya pihak Kementerian memperhebatkan lagi kawalan dan memastikan

pengedar-pengedar dadah yang menjalankan kegiatan mereka bukan sahaja di darat tetapi di laut ini dapat dibanteras. Saya tidak bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh setengah daripada rakan-rakan kita tadi iaitu dadah ini daripada kawasan Tiga Segi Emas. Saya rasa sekarang ini sudah sampai masanya kita sebutkan "Tiga Segi Maut" kerana daripada kawasan-kawasan inilah yang mana pengeluaran dadah ini melalui jalan di negara kita untuk diedarkan ke negara-negara lain dan negara kita menjadi mangsa di mana terdapat ramai rakyat kita terlibat di dalam soal dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai 'menghidu gam' seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat rakan kita tadi. Saya ingin memberi sokongan dalam soal ini kerana bukan sahaja di Dewan yang mulia ini tetapi beberapa kali soal menghidu gam ini telah pun ditimbulkan dan tidak ada satu peraturan yang boleh kita pakai untuk mengambil tindakan kepada mereka yang terlibat.

Ada ibu bapa yang mengadu bahawa anaknya telah menjadi bengis dan tidak dapat dikawal kerana terlibat dengan penghiduan gam ini. Kalau dahulu penghiduan gam cuma berlaku di Sarawak tetapi sekarang ini sudah pun menular ke Semenanjung. Perkara ini bukanlah suatu perkara yang kecil, dan kerosakan dengan kegiatan penghiduan gam ini akan menjejaskan otak dan juga pemikiran kanak-kanak tersebut. Jadi, jika ada keluarga ataupun ada ibu bapa yang mendapati anak-anak mereka terlibat dengan penghiduan gam sekarang ini, tidak ada satu Akta dan tidak ada satu tindakan yang dapat kita buat.

Cuma pihak polis dapat mengambil tindakan untuk beberapa waktu dengan menggunakan Akta-akta yang lain tetapi mereka ini harus dilepaskan kerana tidak ada Akta yang dapat digunakan.

Saya berharap dan saya menyokong pandangan Yang Berhormat tadi supaya soal hidu gam ini diberi perhatian yang serius. Walaupun kita berpendapat bahawa gam ini adalah satu barangan yang tidak dapat kita haramkan tetapi sesuatu harus kita lakukan dan fikirkan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh mengenai HIV. HIV adalah satu gejala yang berlaku dan ada kaitannya yang begitu rapat dengan mereka yang terlibat dengan dadah. Buat masa sekarang di negara kita, kita dapati sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pada tahun 1992 sahaja 168,000 orang yang terlibat. Ini yang berekod. Seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita terpaksa kalikan dengan lima atau sepuluh — penagih yang tidak dapat kita kesan. Jadi, angka ini akan menjadi angka yang besar. Mereka yang terlibat dengan HIV buat masa sekarang ini walaupun mereka berada di Pusat Serenti dan dikenal pasti bahawa mereka terlibat dengan HIV, setelah cukup tempoh rawatan mereka dibebaskan dalam masyarakat.

Saya berpendapat pihak Kerajaan perlu mengadakan satu pendedahan yang lebih kepada mereka yang terlibat dengan HIV supaya mereka ini tidak terlindung daripada diketahui oleh masyarakat dan masyarakat dapat menerima keadaan ini. Jika tidak, kemungkinan mereka akan 'transmit', dengan izin, ataupun mereka akan mengedarkan ataupun mereka akan menyebabkan pihak yang lain menerima penyakit HIV ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah beberapa perkara yang belum disentuh oleh rakan-rakan saya, yang saya ingin sentuh di dalam perbahasan pada petang ini. Dengan ini saya juga menyokong supaya Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya. Saya juga menyokong rakan-rakan saya supaya Akta ini bukan diberi tempoh selama lima tahun tetapi Akta ini tidak diberi tempoh tertentu tetapi berterusan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Puan Hajah Rahmah.

3.56 ptg.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin turut sama untuk menyokong cadangan yang telah dibawa oleh Timbalan Menteri berkenaan bagi melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama lima tahun lagi. Saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini agar masa lanjutan lima tahun ini tidak begitu boleh menjamin untuk menghapuskan masalah ini. Saya mengharapkan supaya masa ini tidak kita tentukan setakat lima tahun ke lima tahun, bahkan bagi mengatasi musuh negara yang paling merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum dan apa yang telah kita dengar daripada yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawasanya penagihan dadah ini amat merbahaya dan tidak mengenal apa bangsa dan corak agama bahkan anak tidak mengenal ibu bapa dan kaum keluarga

apakala penyakit dan ketagihan ini menyerang seorang individu. Disebabkan oleh ketagihan ini juga seorang suami akan memilih najis ini daripada isteri serta anak yang telah diamanahkan oleh Allah S.W.T. sebagai rezeki untuk dipelihara, sebagai pusaka yang tidak ternilai harganya. Apabila terbabit, maka ketua keluarga yang terlibat dengan dadah ini akan dibawa ke pusat-pusat pemulihan. Maka di kala itulah ibu yang menjadi ketua keluarga yang kedua terpaksa memikul tanggungjawab yang tidak sepatutnya ditanggung oleh seorang ibu atau seorang wanita. Banyak lagi masalah-masalah yang bersabit dengan dadah ini menjadi ancaman yang amat ditakuti oleh masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan yang telah begitu banyak memperuntukkan kewangan demi untuk membaiki serta memulihkan penagih-penagih ini agar dapat dikurang atau dihapuskan di negara Malaysia yang kita kasih.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini juga saya ingin menyarankan semoga pihak-pihak yang tertentu dapat menerima bekas-bekas penagih ini untuk memberi khidmat di dalam apa juga bentuk pekerjaan yang sesuai bagi bekas seorang penagih. Janganlah kita memandang hina kepada bekas penagih kerana tidak ada negara lain yang dapat menerima mereka ini. Hanya negara Malaysia tempat mereka berteduh dan tempat kita memberi perlindungan kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan agar Kementerian Belia dan Sukan akan melipatgandakan usaha-

usahanya demi untuk mencegah belia-belia dan beliawanis-beliawanis yang masih bersih dari gejala-gejala dadah ini dari terlibat untuk menambahkan bilangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, di akhirnya, saya juga sekali lagi menyokong cadangan yang telah dibawa oleh Timbalan Menteri ini bagi melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini kepada satu jangka masa yang tidak kita tentukan. Wabillahaufik Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hanipah.

4.00 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk membahar usul yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri dalam Negeri. Saya amat bersimpati dan bersetuju dengan perkara-perkara yang telah diperkatakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat semasa membahaskan akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, kita akan masuk ke era sepuluh tahun selepas akta ini yang telah dibawa pada 15hb Jun 1995. Pada andai-an saya, saya mendapati masalah dadah ini bukanlah berkurangan, tetapi bertambah dari satu masa ke satu masa. Kita takut sepuluh tahun yang akan datang, semua masyarakat kita akan dihinggapi dengan penyakit dadah. Saya amat bersimpati dengan pihak Kerajaan yang telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi walaupun tidak dapat

menyelesaikan masalah ini, tetapi langkah-langkah untuk membanteras amatlah saya kagumi dan amatlah saya hormati, dan saya berharap langkah-langkah ini pada satu masa yang belum dapat kita tentukan akan menampakkan kejayaan, khususnya kepada Kerajaan dan juga rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri kerana di dalam hujahnya tadi ada disebut 'Golden Triangle'. Masalah 'Golden Triangle' inilah menyebabkan kita berada dalam Dewan ini, kita terpaksa memerah otak untuk mencari jalan bagaimana kita hendak selesaikan masalah ini. Yang menjadi persoalan kepada saya, 'Golden Triangle' ini ialah satu tempat yang ada di hujung Burma, Thailand dan juga Kampuchea. Inilah pusat dikatakan satu pusat yang menyediakan benda yang kita bahas pada petang ini.

Yang menghairankan saya, untuk dibawa daripada "Golden Triangle" kepada rakyat Kuala Lumpur melalui tempat-tempat hutan rimba banyak, tetapi benda ini dapat sampai. Seperti mana Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan di setengah bandar-bandar besar termasuk bandar Kuala Lumpur yang dihinggapi dengan dadah ini.

Saya ingin kemukakan satu persoalan, adakah ruang masuk ke negara ini telah begitu lemah dari segi kawalan, kerana kita memahami ruang masuk ke negara kita ini adalah melalui laut, melalui darat dan melalui udara. Saya juga masih memahami bahawa kawalan di sempadan tidaklah begitu rapi. Inilah menyebabkan bahan-bahan ini dapat dibawa masuk ke negara kita. Apakah

langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan walaupun sekarang kita telah difahamkan berbagai-bagai langkah telah diambil untuk membanteras dadah di ruang masuk ke negara kita. Tetapi pada hari ini kita masih membahaskan perkara ini.

Yang kedua, ini satu ruang yang besar seperti mana yang diperkatakan tadi, satu ruang yang luas, melalui laut yang begitu panjang. Tetapi yang menghairankan kita ruang yang begitu sempit atau pintu yang begitu sempit boleh juga dibawa masuk dadah kepada penghuni-penghuni yang ada di dalamnya; ada yang melalui pintu-pintu yang sempit ini. Di manakah duduknya kesilapan ini? Adakah seperti mana yang dikatakan oleh rakan saya tadi, kita harapkan pagar, pagar sudah makan padi. Sekarang ini kita nampak bukan makan padi lagi, sampai lumpur sudah makan.

Tuan Yang di-Pertua: Di mana letaknya pintu sempit ini?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Pintu sempit ini adalah di penjara-penjara. Ini yang saya takrifkan 'pintu sempit'. Pintu sempit, tetapi dadah dapat masuk ke dalam ruang yang begitu besar. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri apakah langkah-langkah, adakah Kerajaan telah tidak begitu menghayati ataupun kepada golongan yang kita memberi kepercayaan tidak lagi menghayati apakah yang diperjuangkan oleh Kerajaan untuk membanteras masalah dadah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang hidu gam. Merata-rata sekarang kita nampak media

telah memainkan peranan untuk mengiklankan tentang bahayanya menghidu gam. Saya percaya satu langkah patut diambil sekarang di peringkat mana sekali pun supaya ianya tidak akan disenaraikan sebagai satu musuh kita untuk masa yang akan datang. Kita percaya semua pihak harus memberi sokongan kepada langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan ke arah membanteras penyakit menghidu gam di peringkat generasi muda kita. Saya amat bersetuju bukan dadah sahaja yang tidak mengenal bangsa, kita takut satu hari menghidu gam ini juga tidak mengenal bangsa yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja cadangan saya, dan saya berharap akta ini akan dapat kita luluskan untuk kepentingan negara dan juga untuk kepentingan generasi kita di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Timbalan Menteri menjawab.

4.06 ptg.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan usul yang telah dibentangkan pada hari ini. Kesemua Ahli-ahli Yang terhormat telah begitu mengambil berat tentang masalah penyalahgunaan dadah dan telah pun memberi banyak pandangan-pandangan yang membina dan bernas. Saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dan juga Kerajaan, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Rahim Baba telah menyatakan bahawa — di sini saya perlu buat satu penjelasan yang RM30 saya

sebutkan dalam ucapan saya itu bukan wang dibelanja oleh Kerajaan. RM30 itu adalah satu anggaran di mana setiap penagih dadah itu dia perlu untuk menampung membeli dadah untuk setiap hari.....

Tuan Yang di-Pertua: RM30 sehari?

Tuan Ong Ka Ting: Anggaran RM30 satu hari. Saya cuba hendak beri satu gambaran betapa seriusnya kalau katalah 100,000, itu sebagai contoh; bukan bermakna Malaysia ada 100,000 hardcore addicts, maksud saya on the whole atau 100,000 penagih, dia perlukan average RM30. Seperti mana telah pun dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat — beliau telah buat kiraan juga — maka lebih daripada RM1 bilion dalam satu tahun, dan satu hari berapa wang telah pun digunakan untuk tujuan membeli dadah, dan pengedar atau pembekal dadah itu dapatkan wang itu untuk kepentingan mereka sendiri. Ini bukan sahaja satu masalah yang kemudiannya membebankan keluarga awam dan juga masyarakat umum, malah ianya akan memberi kesan yang sangat negatif kepada ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh lima tahun ini telah pun dibangkit-bangkit oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Ingin saya menegaskan di sini bahawa tempoh lima tahun ini adalah satu perakuan Kerajaan selepas akta ini digubal di Parlimen ini pada sepuluh tahun dahulu, dan Parlimen pada masa itu telah tubuhkan satu Jawatankuasa Pemilihan telah buat satu cadangan dan telah diluluskan oleh Dewan kerana Malaysia ini sebenarnya sangat berdemokrasi, yang cukup demokratik. Hari

ini suasana di sini dan suasana di Dewan Rakyat begitu lain. Apabila saya bentangkan usul ini di Dewan Rakyat, saya ditegur dengan hebat oleh Pembangkang. Mereka kata Malaysia ini seolah-olah tidak demokratik, anti hak asasi manusia, macam-macam. Tak tahulah kita siapa itu, selalunya jaguh-jaguh di peringkat mahkamah dan sebagainya. Di sini pula saya dapat satu pandangan yang tidak extreme.

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah dia jaguh-jaguh mahkamah itu?

Tuan Ong Ka Ting: Yang bertentangan dengan pandangan Pembangkang. Kerajaan sepatutnya diberi kuasa had masa lebih panjang ataupun tiada had masa, tidak ada had tempoh akta ini.

Kerajaan Barisan Nasional hari ini sangat menghormati prinsip Perlembagaan. Itu sebabnya, pada sepuluh tahun yang lalu apabila akta ini digubal, salah satu faktor ditentukan tempoh ialah mengelakkan daripada salah guna kuasa ataupun untuk memberi jaminan supaya lebih menyenangkan wakil-wakil rakyat dan juga masyarakat umum di Malaysia bahawa Kerajaan atau polis ataupun Menteri Dalam Negeri tidak diberi kuasa yang tidak dapat dikawal. Sebenarnya akta ini, saya rasa Yang Berhormat Senator Rahim Baba sudah membaca daripada apa yang dihujah, kalau kita mengkaji akta ini sebenarnya akta ini adalah satu akta yang begitu berseimbang, adalah satu akta yang 'self-balancing', yang sendirinya telah seimbang antara satu sama lain.

Adalah penting untuk Dewan yang mulia ini faham sedikit sebanyak bagaimana akta ini Kerajaan.....

Tuan Ding Seling: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi satu daripada sebabnya had masa lima tahun ini adalah oleh kerana untuk menentukan tidak ada salah guna kuasa. Adakah sehingga kini bukti-buktinya pihak Kerajaan ataupun pihak polis ataupun pihak-pihak authority tertentu yang berkuasa untuk melaksanakan akta ini pernah menyalahgunakan kuasa ataupun tidak?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya baru hendak sampai kepada cara kita menggunakan akta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat apabila menyokong melanjutkan usul ini lebih senang hati, apa yang dibuat itu tidak memberi satu mandat kepada Kerajaan bulat-bulat seperti itu tanpa memahami macam mana kita menggunakan kuasa ini.

Menteri Dalam Negeri walaupun mempunyai kuasa tetapi dalam akta ini dia mempunyai banyak seksyen, dia ada check and balance. Apabila seseorang polis itu menangkap seseorang yang disyaki terlibat dalam pengedaran dadah ataupun kegiatan dadah, seseorang itu kalau ditangkap lebih daripada 24 jam, tangkapan itu perlu dijalankan ataupun disiasat dan dipertanggungjawabkan kepada seorang pegawai polis yang pangkatnya Inspector atau lebih tinggi. Kalau sekiranya lebih daripada 48 jam iaitu dua hari, pangkat pegawai polis yang dipertanggungjawabkan itu lebih tinggi iaitu Penolong Penguasa Polis (ASP). Kalau tinggi lagi, lebih daripada 14 hari

seseorang itu ditahan, maka pangkat pegawai polis yang bertanggungjawab itu adalah sekurang-kurangnya Timbalan Penguasa atau Deputy Superintendent (ASP) ke atas. Dan kalau tangkapan lebih daripada 14 hari itu perlu dimaklumkan kepada Ketua Polis Negara ataupun pegawai yang diturunkan kuasa kepada pangkat yang tinggi itu dan seterusnya perlu dimaklumkan kepada Menteri Dalam Negeri. Maknanya pada peringkat polis itu sudah ada check and balance. Kalau sekiranya sesuatu tangkapan itu telah dianggap ada salah guna kuasa, maka dia ada beberapa lapisan check and balance. Polis sendiri sudah ada pegawai yang di peringkat lebih tinggi untuk mengawasi sehingga Menteri Dalam Negeri pun ada diberi maklum tentang tangkapan itu.

Dan selepas polis menyiasat membuat laporan setiap laporan penyiasatan itu perlu diberikan salinan laporan itu kepada Menteri dan juga kepada pegawai penyiasat ataupun pegawai siasatan. Dan pegawai siasatan itu dilantik oleh Menteri Dalam Negeri dan pegawai siasatan yang dilantik itu, mereka bukan pegawai polis yang terlibat, mereka adalah independant dan mesti mempunyai kelayakan undang-undang yang layak dan biasanya mereka ini adalah pegawai yang dilantik daripada Jabatan Peguam Negara dan mereka ada dia punya taraf seperti majistret dan mereka ini macam majistret dia pergi ada kuasa soal-siasat secara fizikal dengan orang yang disyaki dan juga saksi-saksi yang dikemukakan dalam laporan polis supaya pegawai siasat itu merupakan satu check and balance terhadap pegawai polis. Selepas siasatan dilengkapkan kedua-dua laporan polis dan pegawai siasatan itu akan dihantar sama-sama dalam fail itu kepada Menteri Dalam Negeri.

Dan sebelum Menteri berpuas hati menimbang untuk mengeluarkan satu perintah tahanan, Kementerian Dalam Negeri pun meneliti fail-fail itu supaya laporan itu adalah tidak meragukan dan boleh dikatakan buktinya kukuh dan meyakinkan. Maka Menteri Dalam Negeri pada akhirnya akan meluluskan satu perintah tahanan ataupun perintah sekatan ataupun perintah lanjutan tahanan.

Tuan Hanipah bin Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang minta penjelasan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang diberi kalau tidak ada ragu-ragu, pihak Menteri akan mengeluarkan satu writ supaya ditahan. Kalau timbul ragu-ragu bagaimanakah masalah itu akan diambil tindakan? Saya mohon sedikit penjelasan.

Tuan Ong Ka Ting: Kalau sekiranya Menteri Dalam Negeri tidak puas hati dan Menteri sama ada boleh mengarahkan siasatan selanjutnya supaya siasatan dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri sendiri ataupun pegawai siasat yang independent itu. Ataupun kalau sekiranya masih tidak dapat memuaskan hati Yang Amat Berhormat Menteri, maka Menteri akan boleh mengarahkan supaya tahanan itu perintah tidak dikeluarkan dan kalau sekiranya pihak polis masih menganggap seseorang itu memang mengancam keselamatan, perlulah memuaskan hati Menteri dan Menteri bukan bertindak sewenang-wenang mengikut perasaannya dan beliau sentiasa dibantu oleh pasukan-pasukan penyiasat.

Dan inilah satu cara check and balance dan semua itu

Tuan Hanipah bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ong, Tuan Hanipah belum puas hati.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, biarkan saya melengkapkan penerangan itu. Sebab semua langkah-langkah itu telah pun termaktub dalam akta ini, setiap langkah-langkah itu termaktub daripada Seksyen 3 sehingga Seksyen 11. Kalau sekiranya mana-mana satu langkah itu tidak diikuti dengan tepat yang telah pun ditetapkan dalam akta itu, si tahanan atau keluarganya masih boleh pergi ke mahkamah untuk mempertikaikan, bukan dari segi sebab ditahan, dari segi prosedurnya, sama ada satu-satu 'procedural sitting' boleh dalam mahkamah.

Dan kalau sekiranya perintah tahanan itu tidak mengikut akta ini, maka mahkamah pada tahap itu boleh masuk. Itu sebabnya selalu kita mendengar ada *habeas corpus* dikemukakan oleh jaguh-jaguh yang kita kenali, sebenarnya mereka mempertikaikan isu-isu teknikal sahaja, macam tandatangan Menteri itu, dia tandatangan di perintah itu, tiba-tiba ada satu tempat dia potong satu perkataan, dia lupa initial. Itulah yang menjadi subjek pertikaian. Dan sebenarnya bukan bahawa Kerajaan sudah salah tangkap atau menyalahgunakan kuasa menangkap seseorang itu.

Inilah yang berlaku pada masa ini. Walaupun ada juga saluran yang lain telah termaktub di sini juga di mana Lembaga Penasihat juga memainkan peranan,

kalau sesuatu representasi itu dibuat oleh tahanan, bahawa sesuatu tuduhan ataupun sesuatu asas tangkapan itu tidak betul, maka Lembaga Penasihat boleh mengkaji dan Lembaga Penasihat boleh menasihati Menteri. Kalau Lembaga Penasihat memberitahu kepada Menteri bahawa perintah tahanan itu tidak betul, perlu dilepaskan, Menteri wajib lepaskan. Dan inilah caranya salah guna kuasa atau apa sahaja itu ada check and balance. Sebenarnya inilah yang berlaku, jadi soalan Yang Berhormat Senator Ding Seling, saya rasa inilah jawapannya.

Tuan Rahim bin Baba: (Bangun)

Tuan Ding Seling: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Kerana dia menyebut nama Tuan Ding Seling, saya beri peluang kepada Tuan Ding Seling. Silakan.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya sebenarnya, berpuas hati kepada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi mengenai check and balance, tetapi saya sebenarnya khuatir — dari check and balance ini, saya rasa ada ikan-ikan besar, iaitu pengedar-pengedar yang besar-besar tidak boleh ditangkap. Ini yang sebenarnya maksud soalan saya. Sekiranya ada pengedar dan kita mendapat maklumat mengenai pengedar itu dan kita perlu, mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, untuk membuat satu tangkapan sekurang-kurangnya pegawai polis tidak rendah daripada Inspektor. Kalau kita lihat di tempat-tempat pedalaman, bukan Inspektor yang menguasai suatu Police Station, tetapi lebih rendah daripada itu.

Maksud saya ialah apa yang terjadi, sekiranya kita sebenarnya mengesan seorang yang mengedar yang membawa dadah tetapi tidak ada kuasa. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini sebenarnya pertanyaan saya adalah bertumpu kepada yang opposite seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Apa yang berlaku? Adakah kita perlu merujuk perkara itu sehingga Yang Berhormat Menteri diberitahu dan seterusnya Yang Berhormat Menteri memberi perintah untuk menahan orang itu dan apabila kita sampai ke sana dia sudah tidak ada lagi? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tangkapan boleh dibuat oleh mana-mana polis, tidak kira pangkat mereka — tangkapan yang dibuat, kecuali, maksud saya dengan syarat penahan itu lebih daripada 24 jam, maka kebenaran daripada polis yang berpangkat tertentu perlu diadakan. Mana-mana seorang polis boleh menjalankan tangkapan ini tanpa waran. Oleh sebab itu, kebenaran mesti diberikan supaya ada check and balance, kalau tanpa waran, misalnya, seseorang Konstabel dia tidak suka dengan musuhnya dan dia tangkap tanpa kebenaran — itu tidak boleh. Inilah maksud check and balance. Tidak semestinya polis-polis tempatan itu akan dipertanggungjawab untuk membuat tindakan.

Sebenarnya, selama ini polis telah pun ada check and balance. Kalau sekiranya ada aduan, maklumkan ataupun maklumat yang mengatakan pengedaran dadah sudah berleluasa di sesuatu tempat, dan nampaknya polis ditempat itu masih tidak dapat mengambil tindakan ataupun tidak berjaya menangkap sesiapa, maka Cawangan Anti Dadah boleh datang daripada Ibu Pejabat Kontinjen Negeri

ataupun daripada Bukit Aman. Dan ini tidak semestinya, kalau seseorang ikan besar kenal dengan polis setempat, dia sudah boleh bermaharajalela. Dia juga akan dikenakan tindakan oleh polis dari tempat lain yang lebih berkecuali dan lebih atasan. Itulah cara yang sama yang kita jalankan.

Apa yang penting ialah kita perlukan kerjasama yang benar-benar daripada orang awam dan selalunya orang awam takut dan tidak mahu terlalu banyak, trouble, dengan izin. Walaupun dia nampak pengedaran dadah itu di depan matanya pun, mereka takut sangat hendak terlibat dengan melapor atau memberi maklumat. Inilah yang menjadi masalah. Kalau sekiranya orang awam itu berani sedikit — dia beri laporan ataupun maklumat, maka polis akan bertindak. Sekiranya dia tidak senang hati dengan polis di tempat itu, dia boleh melaporkan di Ibu Pejabat ataupun kepada polis di tahap yang lebih tinggi.

Selama ini, apa yang penting ialah bagaimana kita menjalankan penguatkuasaan ini. Apa yang saya hendak menerangkan di sini ialah dalam pengedaran dadah ini kita tidak boleh semata-mata tertumpu kepada penguatkuasaan sahaja. Sebab adanya "demand" baru adanya "supply", dengan izin. Kalau terlalu ramai penagih, maka pengedar ada "market" besar, dia akan masuk untuk menjual dan mengedar. Jadi, dari segi pasaran (market) itu, masyarakat awam boleh mengambil peranan yang penting. Kita kena meningkatkan kesedaran di kalangan muda mudi. Begitu banyak pandangan yang telah dibangkitkan tadi, iaitu kita kuarir dan bimbang tentang gejala baru-baru ini dan apa yang sudah jadi kepada mereka yang kurang perhatian daripada ibu bapa atau murid-murid sekolah. Saya rasa usaha untuk meningkat kesedaran orang awam adalah sama penting dengan penguatkuasaan.

Kedua-dua usaha itu perlu dijalankan dengan serentak dan apa yang penting ialah anak muda kita ini ramai didapati yang terlibat di dalam penagihan dadah yang pada mula-mulanya mereka tidak berniat atau berhajat sengaja mahu menagih. Mereka ini sama ada terpengaruh ataupun kerana dia mempunyai perasaan hendak rasa dan hendak cuba. Ini yang teruk. Kalau kempen kesedaran itu ditingkatkan dan dibantu oleh pihak swasta dan juga orang awam supaya anak muda kita sentiasa "menjauhi diri daripada dadah", maka pasaran dadah tidak akan begitu bertambah sehingga pengedar tidak berpeluang untuk mengedar.

Dari segi 'ikan besar' dan 'ikan bilis' ini, kita tidak boleh kata — sebab pengedar dan pembekal ini kita kenakan sekali tindakan yang bersepadu. Sumber pembekal itu selalunya datang dari luar negara ataupun negara jiran atau dari negara Segi Tiga Emas seperti yang kita sebut. Jadi, pembekal yang besar, yang original itu kebanyakannya datang daripada tempat itu. Jadi, bagaimana kita hendak pergi sampai ke sana dan tangkap. Itu tanah orang lain, negara orang lain dan melalui penyeludupan dadah, maka dia dapat masuk dan ini melibatkan sindiket. Sindiket itu selalunya termasuk sindiket antarabangsa. Ada orang yang membekal daripada sebelah sempadan kita, ada orang tengah dari sini yang mendapatkan dadah itu, kemudian diberi kepada, dengan izin, salesmannya. Ini yang kita kata ikan bilis. 'Salesman' ini bukannya tidak serius. Inilah sebab kita gunakan akta ini untuk menahan begitu ramai 'salesman' dadah ini yang dia sudah ada pelanggan. Mereka yang kita kenakan tindakan ini bukanlah mereka mengedar satu hari sahaja, selalunya bertahun-tahun — satu, dua, tiga tahun dan ada yang sampai lima tahun.

Pada suatu ketika, sebelum undang-undang ini dikenakan, kita hanya gunakan Akta Induk, iaitu Akta Dadah Berbahaya, 1952 seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Rahim dan untuk menggunakan Akta ini, iaitu Akta Induk, kita terpaksa pergi ke mahkamah. Untuk pergi ke mahkamah kita memerlukan saksi-saksi dan bukti-bukti yang cukup dan kita menggunakan masa yang panjang. Untuk menjadikan seseorang pengedar itu dihukum bukanlah senang, ia mengambil masa yang panjang dan selalunya 'the big boy' atau ikan besar (the big fish) itu dia tidak ada bukti sangat. Kalau kita hendak tangkap dia, dia tidak ada dadah — bila-bila masa pun dia tidak ada dadah, tetapi dia anjurkan. Jadi, hendak pergi mahkamah tanpa dadah, tanpa saksi yang berani, mereka ini tidak boleh kita dakwa.

Itulah salah satu sebabnya mengapa Kerajaan perlukan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) ini supaya kita dapat memastikan setiap pengedar yang dikesan itu, apabila sukar untuk didakwa ke mahkamah mengikut akta ini, maka kita gunakan akta yang lagi satu, iaitu apa yang kita bahaskan hari ini.

Tuan Rahim bin Baba: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya boleh dikatakan kesemua Ahli-ahli Dewan tadi telah pun menyuarakan pandangan kenapa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) ini dihadkan tempohnya untuk 5 tahun lagi. Kita semua telah pun menyarankan supaya ianya hendaklah digunakan hingga kepada

satu masa yang akan ditentukan. Kerana saya percaya pada tahun 1985 dahulu semasa akta ini diluluskan, seperti mana yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ia kena masuk kepada Select Committee yang telah pun menentukan, tetapi keadaan tahun 1985 dengan 1995 adalah berbeza. Kemungkinan keputusan untuk menghadkan kepada 5 tahun, dibuat dalam suasana pada tahun 1985. Kerajaan agaknya pada masa itu menjangkakan dalam masa 5 tahun, pendedaran dadah ini akan dapat dihapuskan.

Tetapi tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah pun mengakui bahawa bilangan kes-kes pendedaran berkurang, tetapi malah bertambah. Itu kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri. Jadi, kita telah pun mencadangkan supaya akta ini tidak diadakan had tempoh. Saya tahu akta ini lebih kurang sama juga dengan Akta ISA. Saya percaya Akta ISA tidak ada tempoh 5 tahun, 5 tahun dan sebagainya. Saya cuma hendak mengambil pandangan kepada Yang Berhormat. Kalaupun katakan pada 15hb Jun.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau hendak minta penjelasan, apa penjelasannya?

Tuan Rahim bin Baba: Yalah, saya minta penjelasanlah. Kalaupun katakan pada 15hb Jun ini, Parlimen kita masih lagi dibubarkan, adakah bermakna 1,767 tahanan yang di pusat-pusat tahanan itu akan bebas? Ini kerana kita menghadkan masa hanya 5 tahun. Jadi, kita hendak supaya tidak ada had masa.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, had masa untuk akta ini digubal oleh Parlimen dan dilanjutkan oleh

Parlimen sendiri setiap 5 tahun, adalah satu cara di mana Malaysia ini menghormati Perlembagaan kita. Kalau kita tengok Perlembagaan, kita ada banyak fasal-fasal yang menjamin kebebasan demokrasi berparlimen di Malaysia. Oleh kerana Kerajaan tahu akta ini akan melibatkan tangkapan yang kerap, yang very often you have to use it, dengan izin, maka apabila ramai orang yang terbukti dalam 10 tahun ini, sudah 4 ribu lebih. Sebenarnya 5 ribu lebih telah ditangkap kalau campur dengan 700 dan 4,083, ada beberapa ratus dan kemudian dibebaskan kerana selepas kajian, kita rasa tidak serius sangat.

Jadi, begitu ramai. Kalau kita adakan satu akta tidak perlu dikaji semula oleh Parlimen, apa pun resolusi dibawa ke Parlimen bulat-bulat macam itu, seolah-olah macam kita akan timbulkan tanda soal di arena antarabangsa dan juga kita sendiri pun ingat, tidak akan jadi satu masalah untuk datang ke Parlimen ini buat satu resolusi dan masa kita buat resolusi, adalah satu peluang yang baik bagi Yang Berhormat-Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbincangan mengingatkan apa yang perlu diingati ataupun memberikan pandangan mengenai perkembangan yang terbaru.

Kalau tidak ada resolusi ini, saya rasa saya dan yang Berhormat Senator Rahim Baba tidak ada peluang langsung untuk menyentuh akta ini kerana telah lulus 1985 sampai bila pun tidak tahu. Itu saya rasa resolusi ini adalah reasonable, munasabahlah untuk kelulusan Parlimen. Kalau hendak bulat-bulat bagi terus ke ISA, lain. ISA, Kerajaan tidak guna begitu kerap, tidak menahan begitu ramai orang dan dia bukan satu yang Kerajaan suka-suka gunakan ataupun terpaksa menggunakan setiap kali. Pada hal hari ini tahanan ISA

sudah begitu kurang. Setahu saya kurang dari 20 orang tahanan pada hari ini kerana negara kita sudah dalam keadaan yang boleh dikatakan bebas ataupun kurang dari ancaman komunis dan sebagainya. Jadi, ada bezanya di antara akta-akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting saya faham, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyuarakan concern mereka, dengan izin, ialah tentang adakah ini cukup berkesan? Adakah Kerajaan menjalankan tugas ataupun menjalankan penguatkuasaan ini dengan bersungguh-sungguh sehingga pengedar ini dapat dikurangkan. Mungkin itu disebabkan satu gambaran yang tidak cukup jelas apabila saya membentangkan Usul ini kerana saya sendiri sudah kata, pengedaran dadah itu berterusan dan tidak kurang. Tetapi jangan bimbang tentang tangkapan atau tahanan kerana bilangan sudah berkurangan. Sebenarnya apa yang saya hendak huraikan di sini ialah oleh kerana baru-baru ini, beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan sudah melipatgandakan usaha untuk beroperasi dengan sungguh-sungguh untuk menumpas sindiket pengedaran dadah.

Jadi, oleh sebab itu tangkapan banyak. Setiap kali kita mengadakan operasi membersihkan ibu kota ataupun membersihkan tempat-tempat yang kita rasa ada banyak kegiatan dadah, maka banyak tangkapan dan tangkapan itu bukan kita dapat hanya penagih, dapat juga pengedar. Oleh sebab itu, bilangan tahanan pun sentiasa sama ada meningkat ataupun berterusan. Ini tidak bermakna keadaan di luar daripada kawalan. Yang saya hendak sebutkan di sini, kalau tidak ada kawalan tangkapan ini, mungkin kegiatan pengedaran di Malaysia hari ini, bukan setakat 4,000 orang dalam masa 10

tahun. Ia mungkin dalam berpuluh ribu dalam 10 tahun. 10 tahun kita berjaya menangkap 4,085 ditahan, walaupun kita tidak berapa senang hati tetapi apa akan jadi sekiranya tidak ada akta ini? Dan akta ini pada masa ini masih boleh dikatakan sesuai dan telah dikaji masih dikatakan satu akta yang berkesan. Oleh sebab itu, kita hendak minta Dewan ini memberi 5 tahun lagi dan 5 tahun kemudian tengok lagi apa keadaannya. Kalau masa itu akta ini tidak cukup, kuasanya mahu lagi, kemudian terpulang kepada Yang Berhormat pada 5 tahun akan datang. Mungkin semua muka sudah lainlah. (Ketawa) Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Muka siapa itu? (Ketawa)

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jaminan di sini, ikan-ikan besar sentiasa dicari dan dikesan. Kita tumpu perhatian kepada ini sahaja tetapi saya tidak sentuh tentang akta induk ini. Akta induk ini telah berjaya kita guna untuk ikan besar dan sejak tahun 1983, kita kuat kuasakan akta ini, hukum mati mandatori itu apabila dihukum oleh mahkamah, daripada tahun 1983 hingga 27hb Mei, seramai — ini boleh dikatakan yang serius kerana mahkamah pun setuju dihukum mati — 176 pengedar dadah telah digantung mati — executed — sudah digantung mati. Yang masih menunggu untuk digantung ada 245 orang, telah pun dijatuhkan hukuman tetapi masih menunggu masanya dan inilah.....

Tuan Yang di-Pertua: Dari tempatan atau luar negeri?

Tuan Ong Ka Ting: Kebanyakan tempatanlah. Saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat pun tahu, ada seorang

dua dari luar negeri kena, negara mereka sudah bising. Tengok ini yang selalunya apa yang kita ingat belum cukup hebat, orang lain sudah ingat tindakan penalty itu sudah terlalu tinggi. Tetapi, walau bagaimanapun, negara kita ada pandangan dan pendirian sendiri dan Kerajaan ini lebih tahu kerana Kerajaan ini di pilih oleh rakyat dan selama sejak merdeka sampai hari ini, Kerajaan Barisan Nasional memang peka pada keadaan dan selalunya menjalankan kuasa dengan berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya telah terangkan juga, pengedar-pengedar yang ditangkap ini bukan semuanya ikan kecil. Ada juga yang serius, tetapi yang serius itu, apabila dibawa sahaja ke mahkamah, oleh kerana sebab-sebab perundangan — walaupun tahu bahawa orang itu mengedar dadah, tetapi prosedurnya ataupun atas sebab hal-hal yang lain ataupun peguamnya pandai sangat, cari loopholes di sini, cari loopholes di sana, pertikaikan atau doubtful tentang apa yang dikatakan oleh saksi "A", bercanggah dengan saksi "B" di dalam court prosiding, maka mereka ini terbebas.

Apabila terbebas oleh mahkamah dan pihak polis benar-benar ada bukti yang cukup bahawa orang ini mengedar dadah dengan serius, kita gunakan akta ini. Tentang kes yang lebih serius, setakat ini, kita tahan di Muar — ini yang masih di dalam tahanan ada seramai 258 orang, masih berada di dalam pusat tahanan di Muar yang dianggap lebih serius. Bermakna, selama ini ada ikan-ikan besar ditangkap, tetapi kita tidak heboh-hebohkan. Ini bukan satu perkara yang membanggakan sangat untuk kita kata tiap-tiap hari, "Oh, ikan besar sudah kita pancing dan tangkap!". Saya rasa itu bukan keutamaan. Keutamaan ialah Kempen Anti Dadah, itu yang penting.

Kalau tiap-tiap hari kita heboh-hebohkan tangkapan dadah — tiap-tiap hari ada, maka saya rasa pelabur pun sudah takut kepada negara kita. Apakah negara kita ini penuh dengan pengedar dadah; tiap-tiap hari tangkap pengedar dadah? Bukan satu publisiti yang cukup positif!

Tuan Yang di-Pertua, mengenai.....

Tuan Yang di-Pertua: Kita jangan cakap tangkap penagih — kita kata, "tangkap ikan besar". (*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: "Ikan besar", hanya orang Malaysia tahu! (*Ketawa*)
Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Rahim Baba juga menyentuh beberapa perkara yang lain. Dalam Akta ini, Seksyen 11(4) — Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk meneruskan ataupun melanjutkan tahanan setiap kali 2 tahun berkali-kali, bukan 4 tahun mesti dilepaskan, tidak ! Setiap tahanan, tempoh maksimumnya 2 tahun dan apabila tempoh 2 tahun itu sudah cukup, ia boleh dilanjutkan lagi. Ia boleh dilanjutkan banyak kali — sampai 10 kali pun boleh, bukan tak boleh! Jadi, kuasa memang besar. Saya rasa ini yang Pembangkang di Dewan Rakyat takut sangat. Tetapi di sini Senator ingat mahu lagi, banyak kuasa lagi, tetapi kita seimbangkan. Barisan Nasional bersikap moderation — pertengahan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga perkara yang telah disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat ialah tentang ubat batuk dan gam. Memang betul pada masa ini masalah penyalahgunaan ubat batuk ini kita masih belum dapat adakan satu undang-undang baru kerana pada masa ini sudah ada Akta Racun 1952 yang masih berkuat kuasa dan

Akta Racun inilah yang mengawal penggunaan ubat batuk ini. Ubat batuk ini kita boleh beli tiap-tiap hari di farmasi atau klinik dan ianya merupakan satu jenis ubat. Kalau ada masalah, kita tidak boleh tergesa-gesa hendak jadikan ia dadah dan ubat ini memang boleh didapati di mana-mana dan akan timbul banyak kerumitan dari segi pelaksanaannya. Mungkin satu hari kita tangkap orang yang mempunyai banyak ubat batuk, mungkin oleh sebab perubatan di klinik dan penguatkuasaannya dijadikan serupa dengan dadah, ada banyak masalah yang boleh kita jangkakan.

Buat masa ini, kita masih kawalkan ubat batuk ini di bawah Akta Racun 1952. Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu kita sentiasa ambil berat dan saya rasa Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak berkuasa yang berlainan sebelum sidang ini pun saya rasa sudah membuat perbincangan dan mesyuarat mengenai perkara ini. Begitu juga dengan penggunaan gam yang mana ini semuanya masih dalam kajian Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga tentang alkohol. Alkohol ini — pihak-pihak yang berkuasa selama ini memang sedang mengadakan berbagai pengawasan kesannya, terutamanya seperti Kementerian Pengangkutan yang baru-baru ini sudah mengenalkan kempen jangan memandu semasa selepas minum (alkohol) dan sebagainya dan ini masih belum sampai ke satu tahap yang dikategorikan sebagai dadah. Walau bagaimanapun, pandangan itu akan diambil kira ataupun akan dikaji oleh Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat Senator Hajah Rahaiah binti Baهران telah menekankan peranan NGO dalam menggalakkan sukarelawan dan sebagainya. Saya memang setuju. Pada hari ini, kita hanya harapkan satu badan sahaja iaitu PEMADAM. Itu pun semalam di Dewan Rakyat, Ahli dari parti Pembangkang pun ingat orang yang terlibat dalam PEMADAM itu ada menerima gaji atau elaun. Sebenarnya, semua itu adalah sukarela, bukan sahaja tidak ada elaun, bahkan mereka sentiasa pergi mengutip derma daripada orang yang lebih berada untuk membiayai program-program mencegah dadah.

Di sini, saya menyeru kepada ahli-ahli — saya tahu beberapa orang Ahli Yang Berhormat sudah begitu giat dan begitu sibuk dalam PEMADAM. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mungkin boleh memainkan peranan yang lebih dalam memerangi dadah dari segi NGO ataupun sukarelawan.

Pandangan-pandangan yang lain dari Yang Berhormat Senator Rahaiah juga akan kita beri perhatian yang wajar. Begitu juga pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat Senator Ding Seling yang juga merupakan pandangan yang konstruktif dan akan diberi perhatian.

Yang Berhormat Senator Hajah Zaleha juga telah menyuarakan pandangan-pandangan, tetapi Yang Berhormat juga menekankan banyak tentang penagih dadah. Usul hari ini adalah mengenai pengedar dadah, walau macam manapun, masalah penagih dadah itu juga kita berikan perhatian yang sewajarnya. Kalau kita hendak bincangkan juga mengenai penagih dadah pada hari ini, memang panjanglah dan saya rasa masa tidak mengizinkan.

Yang Berhormat Tuan Johan — masalah ikan bilis itu, saya sekali gus telah jawab tadi tentang pembekal-pembekal itu, mema Polis Malaysia dan Kerajaan Malaysia sentiasa cuba mendapatkan kerjasama daripada negara-negara jiran dan negara-negara yang berkaitan melalui saluran-saluran yang tertentu, sama ada Interpol ataupun melalui perbincangan-perbincangan dua hala yang kita jalankan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Puan Hajah Habshah juga menekankan 100,000 hardcore, saya telah jelaskan bukan saya mengatakan ada 100,000 hardcore — ia sebagai contoh untuk membuat kiraan sahaja. Apa yang saya ingin jelaskan di sini ialah, negara kita tidak boleh gunakan formula negara lain di mana kita darab sahaja dengan empat atau lima dari segi bilangan penagih, sebab negara kita ada undang-undang ataupun ada Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) di mana Akta ini mewajibkan pengesanan penagih. Ia tidak macam negara lain, kalau dia seorang penagih dadah, tidak ada undang-undang yang mewajibkan supaya dikesan dan didaftar. Kerajaan Malaysia ini ada satu Akta dan kita ada usaha untuk memastikan seseorang penagih itu dapat kita kesan dan didaftar. Jadi, boleh dikatakan bilangan penagih di Malaysia ini yang tidak diketahui itu secara bandingan tidak begitu teruk kalau dibandingkan dengan negara lain.

Apa yang dapat kita daftarkan ialah seramai 100,891 orang itu boleh dikatakan kita sudah berusaha dengan sedaya upaya untuk mengesan mereka dengan kerjasama semua agensi Kerajaan termasuk menge-

san budak-budak sekolah. Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, kadang-kadang kalau ada maklumat bahawa murid-murid daripada kelas atau sekolah mana yang terlibat, kita boleh buat secara mengejut mewajibkan murid-murid itu untuk menjalani satu ujian air kencing bagi memastikan seseorang itu adalah penagih atau tidak. Dengan itu kita daftar.

Lagi pun 100,891 penagih yang didaftar ini, kebanyakan iaitu 98% adalah lelaki, hanya 2% wanita. Kita tidak macam negara lain, ia bercampur-campur, wanita pun ramai, lelaki pun ramai dan mereka tidak ada kewajipan untuk mendaftar. Maka jumlah yang diketahui itu boleh didarab dengan empat atau lima atau tiga. Di negara kita tidak, kalau kita darab macam anggaran satu juta darab 200,000 sampai lima, jadikan satu juta; itu bermakna dalam satu kajian Pasukan Petugas Anti Dadah yang saya diberi laporan ini ialah di Malaysia terdapat penduduk lelaki kita 50.2% dari seluruh jumlah penduduk dan kita ambil kira mereka yang lebih daripada umur 15 tahun ke atas. Kita ambil kira lebih kurang separuh daripada penduduk kita ialah lelaki. Kalau satu juta itu merupakan angka yang begitu besar, maknanya dalam setiap 4 orang terdapat seorang penagih dikalangan lelaki. Kalau itu satu faktor yang kita boleh guna, maknanya di Dewan ini saya rasa beberapa orang Senator itu, satu perempuan adalah penagih. Everywhere penagih! Angka itu tidak boleh kita gunakan dengan terlalu heboh dan terlalu tidak praktikal. This is going to be very scaring, dengan izin, dan tidak ada orang lagi mahu datang ke Malaysia. Jadi, tidak payahlah kita gunakan satu anggaran

yang orang lain gunakan, kita pun gunakan. Tidak. Kita masih berpegang kepada sistem maklumat ini. Sistem maklumat ini memang sejak tahun 1988 digunakan sampai hari ini adalah sistem yang baik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin juga tekankan tentang program Pusat Serenti, saya rasa semua itu pun adalah diambil perhatian dan cadangan-cadangan Yang Berhormat Puan Mastika itu boleh diperkatakan boleh saya rasa Yang Berhormat sangat memerhatikan apa yang sebenarnya berlaku dalam Pusat-pusat Serenti dan semua itu akan kita ambil perhatian. Pagar makan padi, memang Kerajaan tidak boleh membenarkan atau tidak akan bertoleransi dengan sebarang kelakuan. Lebih-lebih lagi mereka ini merupakan orang yang diamanahkan untuk menguatkuasakan undang-undang untuk menjaga penagih, untuk menjaga banduan dan sebab itu Akta Dadah Merbahaya ini bukan hanya dikenakan untuk orang awam sahaja. Ianya dikenakan kepada setiap rakyat, tidak kira dia pegawai Kerajaan atau bukan pegawai Kerajaan. Kita pernah gunakan akta ini untuk menahan kakitangan Kerajaan juga, bukan hanya orang awam biasa.

Pengedaran di pantai dan di laut, sebenarnya ini juga Kerajaan sedar. Serbuan dan operasi itu memang kita jalankan bukan setakat di darat sahaja dan dari semasa ke semasa kita bertindak ke atas bot-bot yang disyaki dan terdapat juga nelayan yang digunakan oleh sindiket untuk menjalankan pengedaran dadah. Memang ini telah pun diberi perhatian.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh telah pun membangkitkan juga masalah-masalah mengenai penagih dan terima kasih kepada Kerajaan. Saya pun ucapkan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah menghargai usaha-usaha Kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad telah menyentuh Golden Triangle, saya telah pun terangkan tadi dan sebenarnya pintu masuk penyeludupan ini; ia tidak melalui pintu masuk. Ia melalui tempat-tempat yang bukan pintu masuk. Ia ada caranya. Hari ini pendatang tanpa izin begitu ramai, manusia pun boleh masuk begitu sahaja, apa lagi dadah ini boleh disimpan dalam tempat yang lebih susah dilihat. Jadi, macam mana pun Kerajaan sudah ada usaha bersepadu antara agensi-agensi penguat kuasa daripada beberapa Kementerian dan juga antara Kerajaan dengan Kerajaan untuk membanteraskan kegiatan penyeludupan itu.

Untuk pandangan-pandangan yang lain, sekiranya tidak sempat saya menjawab di sini, saya jamin bahawa semua pandangan itu akan diberi perhatian yang serius oleh Kementerian saya dan itulah sahaja dapat saya menggulung pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah berikut bagi diputuskan:

Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama lima tahun mulai 15 Jun 1995.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya

(Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama lima tahun mulai 15 Jun 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya kita tidak ada urusan lain, maka oleh itu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga 3hb Julai nanti.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.58 petang.